ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 18 | RABU 4HB MEI, 1983. | رابو 21 رجب 1403 | PERCUMA

## D.Y.M.M. BERANGKAT KE KEJOHANAN PIALA KOLONEL KOMANDAN

Oleh : Zubaidah H.S.

[illegible] — Kebawah [illegible] Mulia [illegible] Baginda [illegible] Yang Diper- [illegible] Brunei, juga [illegible] Pemerin- [illegible] Pasukan [illegible] Diraja [illegible] Kolonel [illegible] Askar Wanita, [illegible] Pengiran Isteri [illegible] Ahad lepas [illegible] berangkat [illegible] menyaksikan [illegible] olahraga dan upacara penutup bagi merebut Piala Kolonel Komandan di antara Pasukan Askar Wanita dan Polis Wanita di Stadium Hassanal Bolkiah di sini.

Berangkat sama di upacara tersebut ialah Komandan Pasukan Polis Wanita, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Antara perlawanan olahraga yang dijalankan pada hari ketiga itu termasuklah perlawanan Bola Tampar, Bola Jaring, Lari Berganti-ganti 4 × 400 meter, Lari Berganti-ganti 4 × 100 meter dan perlawanan tarik kalat.

Acara pada hari itu telah diserikan dengan pertunjukan kawad oleh Pasukan Askar Wanita di bawah perintah L/Kopral Hidayati bte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh dan persembahan kawad dari Pasukan Polis Wanita di bawah perintah A/Cpl Hajjah Mariam bte Hj. Sulaiman.

Piala Kolonel Komandan telah dimenangi oleh Pasukan Askar Wanita dengan mendapat sembilan mata, sementara Pasukan Polis Wanita mendapat tujuh mata.

Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah

Lihat muka 20



[illegible] Pengiran Isteri Hajjah Mariam menyampaikan Piala [illegible] kepada ketua pasukan Askar Wanita, Lt. [illegible]



Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menyaksikan acara dalam kejohanan Piala Kolonel Komandan di Stadium Hassanal Bolkiah.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Polis, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pg. Haji Jaya dan Pemerintah AMDB, Brigedier Friedberger.

## BERITA AKHBAR DINAFI

### Artikel tidak berasas dan mengelirukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan tegasnya menafikan sebuah artikel yang menyebut kononnya Brunei akan menamatkan perjanjian dengan Shell Group melainkan Britain bersetuju untuk terus menempatkan satu batalion Askar Gurkha di Brunei atas syarat-syarat yang dapat diterima oleh Brunei.

Artikel itu disiarkan oleh akhbar The Straits Times keluaran 27hb. April lalu di bawah tajuk "Brunei May End Deal With Shell Report".

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan bahawa artikel itu adalah sama sekali dinafikan dan tidak berasas dan sesungguhnya mengelirukan keadaan yang sebenarnya.

Kerajaan menjelaskan perkongsian di antara Negara Brunei Darussalam dengan Shell Group, menurut perjanjian yang berjalan ketika ini, sama sekali tidak kena mengena dengan sebarang apa jua aspek, sama ada secara langsung ataupun sebaliknya dengan perundingan pertahanan di antara Negeri Brunei Darussalam dengan United Kingdom.

Mengenai dengan terbitnya artikel yang berkaitan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah sangat menyesali penerbitan artikel yang tidak benar dan mengelirukan itu.

**MANISNYA IMAN**

**"Kejahatan-kejahatan maksiat itu akan menghilangkan nikmat kurnia." — HADIS Nabi daripada Ibnu 'Abbas.**

## DPPW ke Sidang Palestin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berangkat ke Kuala Lumpur pada hari Isnin lepas untuk menghadiri Persidangan Serantau Mengenai Palestin. Keberangkatan Yang Teramat Mulia ke persidangan tersebut adalah atas jemputan Menteri Luar Malaysia, Y.B. Tan Sri Ghazali Shafie. Persidangan lima hari itu bermula semalam.

Yang Teramat Mulia di iringi oleh Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah; Peguam Negara, Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg. Haji Abas dan Datin, Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Seri Laila Jasa Awg. Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Datin dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan rombongan akan berada di luar negeri selama kira-kira seminggu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja berada di Lapangan terbang antarabangsa untuk mengucapkan selamat berangkat kepada rombongan tersebut.

Juga berada di lapangan terbang ialah Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M., Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Speaker, Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan dan lain-lain pegawai kanan Kerajaan.

## PENYEBAR BERITA2 ANGIN BOLEH DIHUKUM

[illegible] SERI BEGAWAN. — Kerajaan [illegible] keras terhadap penyebar- [illegible] angin.

[illegible] kenyataan yang dikeluarkan [illegible] pihak Kerajaan tidak akan [illegible] mengambil tindakan [illegible] termasuk menghukum [illegible] menyebarkan berita- [illegible] berasas.

[illegible] berikutan terdapatnya [illegible] angin yang disebarkan oleh [illegible] yang cuba mengganggu [illegible] keamanan negeri ini.

[illegible] sepenuhnya adalah seperti [illegible]

[illegible] sampai ke pengetahuan [illegible] adanya khabar-khabar [illegible] mendatangkan rasa tidak [illegible] orang ramai.

Khabar-khabar angin itu disebarkan oleh anasir-anasir jahat dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengganggu ketenteraman dan keamanan negeri ini.

Orang ramai adalah dengan ini dinasihatkan supaya melaporkan secepat mungkin kepada pihak Kerajaan jika terdapatnya atau diketahui adanya anasir-anasir jahat yang cuba menyebarkan atau menerbitkan khabar-khabar angin yang tidak berasas dan tidak bertanggungjawab ini.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas dan wajar, termasuklah menghukum orang-orang yang bersalah menurut undang-undang yang ada terutamanya Undang-undang Ketenteraman Dalam Negeri, 1962 dan Bab (4) Perintah Dharurat, 1962.

Pelita Brunei
4HB. MEI, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MENGEKALKAN KEAMANAN:

# KITA MEMPUNYAI KEPENTINGAN YANG SAMA UNTUK HIDUP SEJAHTERA

**Tidak shak lagi suasana berkeamanan yang dinikmati selama ini mesti dikekalkan. Sebarang perkara yang boleh mencacatkannya mestilah dihindarkan.**

Kehidupan harian kita tidak menandakan adanya asas kegelisahan. Memang tidak ada sebab untuk sesiapa merasa gelisah atau cuba menimbulkan kegelisahan di kalangan orang ramai. Perhubungan Kerajaan dengan rakyat dan sebaliknya adalah sangat baik di mana semangat kerjasama dan persefahaman sentiasa menjadi asas dalam perhubungan itu.

Sementara di kalangan rakyat dan penduduk pula pada keseluruhannya kita mendapati sikap yang tegas mengenai minat dan perhatian terhadap kehidupan yang tenang dan aman damai. Dalam dekad-dekad terakhir kita di negeri ini sebenarnya telah mengalami dan menikmati suatu keadaan di mana setiap orang di setiap peringkat kehidupan saling percaya mempercayai di mana kita pada keseluruhannya mempunyai kepentingan yang sama bagi berkehidupan yang sejahtera. Kerana itu kita mempunyai sebab yang kuat untuk mengekalkan suasana berkeamanan yang dinikmati selama ini.

Terutama di saat-saat menjelang kemerdekaan, tidak ada sebab sesiapa yang mempunyai kepentingan yang baik terhadap negeri ini untuk menimbulkan keadaan yang menggelisahkan di kalangan orang ramai. Sebarang desas-desus, apa lagi yang bercorak khabar-khabar angin yang mengandungi hasutan dan sebagainya tentu sekali tidak selaras dengan kepentingan semua orang baik dia rakyat mahupun bukan rakyat. Kerana itu jika terdapat sebarang percubaan untuk menimbulkan semacam keadaan yang tidak menentu di kalangan rakyat dan penduduk tentulah berpunca dari anasir-anasir yang berniat jahat bukan sahaja terhadap Kerajaan bahkan juga terhadap kita keseluruhannya yang sedia menikmati hidup sejahtera tanpa menaruh sebarang kecurigaan terhadap satu sama lain.

Sesungguhnya dalam menjaga kepentingan kita untuk mengekalkan suasana kehidupan sedemikian itu memerlukan setiap orang lebih berhati-hati. Orang-orang yang berniat jahat mungkin sahaja mengambil kesempatan menerusi kelalaian kita. Perkembangan semasa yang disaksikan oleh negeri ini mungkin sahaja akan dieksploitasi oleh anasir-anasir yang mahu mencapai niat buruknya ke atas kita semua. Dalam hubungan itu … sangat berkesan bagi menga… secara meningkatkan kewa… terhadap kepentingan kita yan… iaitu untuk berkehidupan yan… dan aman. Maka sebarang ben… ak yang boleh menjejaskan ke… tersebut hendaklah dianggap seb… tujuan jahat yang mesti dielakkan.

Dalam pada itu kita percaya … pada keseluruhannya dari berba… keturunan yang ada di negeri … bersikap rasional. Kita me… pengalaman yang sama dalam ma… tikata kesejahteraan hidup se… sama-sama menikmatinya me… pinan Kerajaan kita. Dengan … menaruh kepercayaan bahawa … yakni rakyat dan penduduk Bru… semua keturunan akan sentiasa … berniat dan bertindak dalam … kepentingan bersama untuk ke… keamanan. Menerusinya kita se… meningkatkan rasa persefahaman… caya mempercayai di antara satu … serta mengelakkan sebarang kecu… dan kecurigaan.

---

# SEJARAH PENTING KPD. PEMBANGUNAN NEGARA

**BERIKUT ialah ucapan Y.B. Pehin Orang K… Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awg. Haji Mohd. … Sufri dalam perjumpaan bagi penubuhan Pe… Sejarah Brunei pada 24hb. April, bertempat … Kuliah, Dewan Peringatan Churchill.**

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kehadiran Awang-Awang dan Dayang-Dayang sekalian yang telah sudi datang ke majlis ini untuk menyambut seruan Penubuhan Persatuan Sejarah ini.

Mengenai dengan maksud ini tidaklah payah saya kupas dengan panjang lebar kerana Awang-Awang dan Dayang-Dayang telah memahami betapa pentingnya sesuatu sejarah kepada bangsa dan negara sendiri terutama sekali untuk pembangunannya yang memerlukan latar belakang, sebab-musabab sesuatu peristiwa itu terjadi sama ada berfaedah atau mendatangkan mudarat ataupun mengapa sesuatu kejadian terus berkembang dan mengapa pula kejadian itu berhenti atau terus lenyap. Ini hanya akan dapat diketahui dari sejarahnya. Semakin luas sejarah itu diketahui, semakin lebih jelas kedudukan kejadian itu ternyata.

Dalam mengenal sejarah ini perlu kita sedari tidak ada negara maju di dunia ini yang mengabaikan penyelidikan sejarah negara dan bangsanya sendiri malah sejarah itu diutamakan dan dipesatkan penyelidikan dan pengumpulan bahannya sehingga dikhususkan penyelidikan itu bagi sesuatu sejarah umpama sejarah pembangunan, sejarah pendidikan, sejarah perekonomian, sejarah politik dan lain-lain lagi.

Untuk menjelaskan peranan sejarah dapatlah ditamsilkan faedahnya itu seperti doktor memeriksa orang sakit yang memerlukan ubat. Menurut yang lazim pula bila seseorang sakit itu berjumpa doktor, bukan doktor itu terus memberi ubat melainkan kedudukan penyakitnya dikaji terlebih dahulu supaya pasti dengan secara menyoal pesakit itu untuk mendorong fikirannya supaya menerangkan sebab-sebab yang menjadikan ia sakit itu; kemudian diperiksa pula, kencing, najis, darah dan ada kalanya digambar dengan X-ray anggotanya yang berkenaan supaya bila penyakit itu pasti ubat dan rawatan yang akan diberi kepadanya dapat disesuaikan. Semakin dalam dan meluas pemeriksaan itu semakin jelas lagi kedudukan penyakit itu. Begitu juga halnya dengan sejarah yang dimaksudkan iaitu semakin meluas isi kandungan sejarah itu diketahui semakin nyata penyakit yang diidap oleh bangsa dan negara kita itu termasuk apa yang menyebabkan penyakit itu terjadi atau apa yang diamalkan oleh bangsa kita yang menjadikan penyakit itu merebak atau apa perbuatan yang selalu dilakukan yang menjadikan penyakit itu tidak mahu sembuh dan sebagainya.

Pada zaman ini boleh kata pada keseluruhannya bangsa kita telah menyedari bahawa bangsa dan negara Brunei Darussalam ini memerlukan pembangunan baik dari segi pemikiran, pengetahuan, kepandaian, kelayakan termasuk perusahaan yang menjadi sumber perekonomian. Dalam melaksanakan pembangunan ini bukan saja perancangan indah yang dibuat oleh pakar perlu disediakan, tetapi yang tidak kurang pentingnya sejarah bangsa dan negara kita ini perlu diketahui terlebih dahulu supaya pembangunan itu dapat disesuaikan dengan latar belakang sejarahnya dan sebab-sebab yang selalu menghalang dapat dielakkan. Umpamanya kalau kita hendak membuat satu rancangan perpaduan bangsa Brunei seluruhnya supaya bangsa Brunei bersatupadu, tetapi sejarah bangsa dan negara kita tidak diketahui, sebab-musabab yang menjadikan orang Brunei berpecah atau cara orang luar menjalankan tipu muslihat dan menghasut tidak diketahui, sudah tentu rancangan itu terbengkalai kerana kalau ada di antara perkara yang dirancang itu berlawanan dengan kejadian yang telah berlaku menurut sejarah sudah tentu keadaan sedemikian akan menimbulkan masalah yang memerlukan penyelesaian pula.

Kadang-kadang kalau sesuatu sejarah itu tidak diketahui, di samping menjalankan sesuatu rancangan itu tanpa disedari sebab yang boleh merosakkan rancangan itu telah dijalankan bersama. Kalau cara seperti ini dilakukan sudah tentu rancangan itu tidak berhasil. Sebab itulah pengetahuan sejarah itu perlu dicari di mana ia tersimpan, dikumpulkan, dikaji dan diselidiki untuk dijadikan panduan untuk sesuatu yang perlu dijalankan selain daripada Pusat Sejarah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk menjalankan usaha ini, rakyat dan penduduk Brunei Darussalam ini terutama para intelek sangat perlu juga memberikan kerjasama untuk menghayati dengan mengadakan Persatuan Sejarah seperti yang akan ditubuhkan hari ini.

Untuk gambaran renungan kepada Awang-Awang dan Dayang-Dayang, saya suka memetik sejarah silam Brunei Darussalam ini. Pada T.M. 1521 tatkala angkatan Megallan sampai di Mactan di Kepulauan Philipina, orang Sepanyol telah menunjukkan angkuh mereka, tanpa usul periksa, terus memerangi penduduk di sana pada hal mereka itu tidak suka diganggu ketenteramannya. Akibatnya, nyawa Megallan yang menjadi Ketua mereka itu telah tewas. Apabila mereka sampai ke Brunei pada tahun itu juga keangkuhan orang Sepanyol itu telah ditukar pula dengan sikap persahabatan, tetapi mengandungi niat ingin menguasai negeri yang masih kontan hasil buminya itu.

Keadaan Brunei yang diketahui mereka dari lawatan mereka pada T.M. 1521 lebih kuat dari Mactan itu mendorong orang Sepanyol lebih hati-hati dan langkah untuk terus menuju ke Brunei itu telah ditukar untuk menuju arah ke Manila pula sebagai tempat bertapak. Apabila Manila telah dikalahkan pada T.M.1571 maka dari sana barulah orang Sepanyol mengulang semula maksud asal mereka yang hendak menguasai Brunei yang menjadi Pusat Perkembangan Ajaran Islam pada masa itu. Sebagai percubaan pada Tahun Masihi 1576 Don Francisco La Sande telah menghantar utusan ke Brunei untuk membawa surat yang mengandungi maksud hendak mengembangkan Agama Kristian di Brunei sebagai topeng kerana mereka berfikir ajaran Agama Kristian itu boleh dijadikan umpan, sebaliknya Sultan Saiful Rijal, Sultan Brunei masa itu sangat murka di atas perbuatan orang Sepanyol mencaci Agama Islam dalam surat itu sehingga utusan itu tidak sempat berunding dan surat itu telah dikoyak di hadapan utusan itu juga.

Apabila timbul perselisihan sama sendiri di antara pihak Sultan Saiful Rijal dengan Pengiran Seri Laila dan Pengiran Seri Ratna, maka keadaan itu telah dijadikan kesempatan oleh orang Sepanyol bagi meneruskan cita-cita mereka. Pg. Seri Laila dan Pg. Seri Ratna tidak menyedari pujuk rayu dan janji-janji yang lemak manis yang telah diberikan oleh orang Sepanyol kepada mereka tanpa memikirkan akibatnya melainkan semata-mata menantikan keuntungan yang akan di… tetapi apabila… diduduki o… Sepanyol pa… janji orang S… dak menjadi… Seri Laila s… Brunei te… ditunaikan… kedudukan… berumbang… waktu it… disesalinya… buatan mere… dan barulah… bahawa ja… dibuat o… Sepanyol itu… dan persaha… yang telah… adalah pura… lebih lagi… Sepanyol tel… oleh Pengir… Sakam pa… maka pe… semakin be… kerana tak… balasan… diterima.

Walaupu… menang… Kastela pa… itu, keka… Sulaiman… T.M. 15… merupakan… keselamat… Brunei yang… melemahka… di kawas… orang Sep… bertapak… lebih mu… Brunei.

Dari… berbagai… yang bol… dalamnya… jadi pan… Ini sa… kepada A… Dayang-D… mengka…





Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, menyaksikan kerja-kerja yang dibuat oleh salah seorang kanak-kanak yang kurang bernasib baik (atas).

Bangunan Pusat Latihan dan Bimbingan di peringkat pertama dan kedua, yang baru siap bulan Februari lalu. Ianya menelan belanja $6.9 juta dan akan menempatkan seramai 120 orang pelatih (kiri).

# Y.T.M. PENGIRAN ISTERI BERANGKAT MELAWAT PUSAT BIMBINGAN DAN LATIHAN



[illegible] Kebajikan Belia dan Sokan menerangkan kepada [illegible] Pengiran Isteri Hajjah Mariam mengenai latihan penggu- [illegible] taip huruf braille yang dilakukan oleh salah seorang [illegible] Pusat itu (atas).

[illegible] bakul dari bahan rotan merupakan satu lagi kegiatan [illegible]-orang buta di Pusat ini. Yang Teramat Mulia [illegible] Isteri Hajjah Mariam sedang mendengar penerangan [illegible] Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato [illegible] Awang Haji Hussein mengenai kegiatan-kegiatan di [illegible].

PULAIE. — Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz, pada pagi Khamis lalu, telah berangkat melawat kelas-Kelas Latihan dan Bimbingan kanak-kanak dan orang-orang cacat di Pusat Bimbingan dan Latihan di sini.

Berangkat bersama dalam lawatan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta Kerabat-Kerabat Diraja di Pusat Bimbingan dan Latihan telah dialu-alukan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein, serta Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Yang Teramat Mulia serta Kerabat-Kerabat Diraja sebelum meneruskan lawatan, telah dijunjung bagi mendengar taklimat dari Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan mengenai Pusat Bimbingan dan Latihan yang baru siap dibina bulan Februari lalu, dan diserahkan kepada jabatan tersebut dalam bulan Mac.

Pusat Bimbingan dan Latihan dibina dalam kawasan seluas 10 ekar dalam anggaran belanjawan sebanyak $12.5 juta. Pembinaanya dijalankan dalam tiga peringkat yang mana peringkat pertama dan keduanya menelan belanja sejumlah $6.9 juta. Komplek tersebut mengandungi Dewan Gymnasium, Bengkel Terbuka, Surau, Open Home, Secure Home dan Remand Home. Pusat ini akan menempatkan sekurang-kurangnya 120 orang pelatih, 30 orang perempuan dan 80 hingga ke-90 orang lelaki. Peringkat ini adalah pusat bimbingan dan latihan bagi memulihkan akhlak kanak-kanak belia dan juga penuntut-penuntut belia yang tidak bernasib baik.

Sementara itu, peringkat ketiga akan dimulakan tidak berapa lama lagi berdekatan dengan pusat yang ada sekarang. Ianya dianggarkan menelan belanja kurang lebih empat juta ringgit, dan akan mengandungi satu blok pentadbiran, sebuah blok kakitangan dan sebuah blok pusat pemulihan orang-orang cacat.

Di antara latihan yang akan dijalankan ialah latihan asas seperti pelajaran ugama, kelas urusan rumahtangga, latihan membaca dan menaip Braille, menganyam bakul, kelas muzik, pelajaran bahasa Inggeris dan pelajaran tertentu yang lain.

Dalam lawatan tersebut, Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta Kerabat-Kerabat Diraja telah mengunjungi kelas bimbingan kanak-kanak cacat dan kelas latihan orang-orang buta.

Juga hadir dalam lawatan tersebut ialah Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah, Datin Hajjah Zahrah dan Datin Edah.





Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam ketika sedang menyaksikan latihan menganyam bakul bagi orang-orang buta.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...

# BERSUCI — SIRI 181 (sambungan)

## Orang berhadas boleh baca zikrullah?



Orang yang berhadas besar boleh dan harus membaca nama-nama Allah atau zikrullah dan mengucapkan selawat yang bukan dari nama-nama Allah atau zikrullah walaupun selawat itu diambil dari ayat-ayat Al-Quran tetapi makruh berbuat begitu sebelum membasuh faraj dan berwuduk atau sebelum membasuh faraj sahaja.

Adapun zikrullah-zikrullah atau nama-nama Allah itu seperti membaca *"Bismillah"* kerana hendak mandi hadas atau kerana hendak mengambil kitab atau kerana hendak makan, minum atau menyarungkan baju kebadan. Dan seperti membaca *"Alhamdulillah"* ketika memperolehi sesuatu nikmat dan membaca selawat *"Allahumma Salli Ala Sayedina Muhammad Wa Ala Sayedina Muhammad"* yang diambil dari tahiyat sembahyang dan seperti berdoa *"Rabbana Atina Fid-Dunia Hasanah"* (hingga akhir) yang diambil dari doa Nabi (Sallallahu Alaihi Wasallam) dan seperti mengucap *"Subhanallah"* dan mengucap *"La Ilaha Illallah Muhammadur Rasulullah"* dan mengucap *"Astaghfirullahal Azim"* dan mengucap *"Allahumma"* dan lain-lain lagi zikir, doa dan selawat yang diambil dan dipetik dari sabda Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) atau yang diambil daripada susunan ulama Islam, maka yang demikian itu semuanya harus dan boleh dibaca bahkan sunat seperti kedudukan orang yang membaca *"Bismillah"* sebelum mandi hadas dan sebelum masuk tandas kiranya sudah dibasuh faraj.

Sebaliknya zikir-zikir Allah, nama-nama Allah, doa dan selawat ke atas Nabi kita (Sallallahu Alaihi Wasallam) yang diambil daripada ayat-ayat Al-Quran serta diqasadkan yang dibacanya itu Al-Quran maka hal yang seumpama itu adalah haram kerana orang yang berhadas besar dilarang membaca Al-Quran dan ayat-ayat Al-Quran seperti ia membaca *"Bismillahir Rahmanir Rahim"* yang disebutkan dari Al-Fatihah, dan membaca *"Al-Hamdulillahi Rabbil Alamin"* yang disebutkannya dari Al-Fatihah, dan berdoa *"Rabbana Atina Fid-Dunia Hasanah"* (hingga akhir) yang diambilnya dari ayat 201, surah Al-Baqarah dan berselawat *"Innallaha Wamalaikatahu"* (hingga akhir), dan membaca *"Innallaha Ghafurur Rahim"* diambil dari ayat Al-Quran dan lain-lain lagi.

Menurut Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj serta syarahannya: *"Haram dengan sebab berjunub itu perkara yang haram dibuat oleh orang yang berhadas kecil, begitu juga haram ... sebab berjunub ... dalam masjid, ... tiada haram me... masjid deng... melalui dari sat... satu pintu yang ... haram juga me... Quran sekali... huruf."* Jelas... membaca zikir-... diambil dari ... dengan tiada ... zikir itu ... sebahagian dari ...

WALLAHU A...

(Bers...)

---

## Persiapan Haji rancak diatur

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan-persiapan kini sedang rancak diatur sebagai persediaan untuk pemergian bakal-bakal haji kita ke tanah suci.

Kursus-kursus haji yang diadakan di seluruh negeri telah berakhir dan kini bakal-bakal haji sibuk pula mengikuti ceramah-ceramah perubatan yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang diadakan di berbagai tempat di negeri ini.

Kursus-kursus dan ceramah-ceramah tersebut dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama yang bertanggungjawab dalam semua urusan pemergian dan kepulangan bakal-bakal haji di negeri ini.

Salah seorang bakal haji yang mengikuti kursus dan ceramah yang berkenaan menyatakan rasa syukurnya atas kemurahan hati kerajaan Kebawah D.Y.M.M. dengan inisiatif Jabatan Hal Ehwal Ugama menganjurkan kursus-kursus yang besar manfaatnya kepada mereka itu.

Yang mana katanya, dengan adanya garis panduan dan keterangan-keterangan yang cukup mengenai dengan cara-cara menunaikan ibadat rukun Islam yang kelima itu apabila saja tiba di tanah suci nanti kami tidak lagi akan teragak-agak.

Pada hari Jumaat lepas kira-kira 200 orang bakal-bakal haji telah mengikuti ceramah kesihatan di dua tempat yang berasingan, bakal-bakal haji lelaki mengikuti ceramah tersebut di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan manakala bakal-bakal haji perempuan pula di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna.

---

## Wakil Brunei I ke suku akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan-pertandingan membaca Al-Quran dan syarahan bagi murid-murid sekolah-sekolah agama kini sedang rancak diadakan di sana-sini untuk memilih wakil kawasan masing-masing ke pertandingan suku akhir.

Sekolah-sekolah agama Kawasan Brunei I telah mengadakan pertandingan tersebut di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna pada hari Ahad lepas.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Awang Haji Salim bin Haji Besar, Kadi Daerah Brunei dan Muara yang mana di akhir majlis telah juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Dalam pertandingan membaca Al-Quran lelaki Awang Nurin Almas bin Haji Abd. Kadir dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (pagi) telah menjadi johan. Tempat kedua Ak Salim bin Pg. Haji Amin dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (petang).

Manakala bahagian murid-murid perempuan pula johan ialah Dayang Fauziah bte Haji Kassim dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (petang) dan naib johan Dayang Nornasriah bte Norshah dari Sekolah Ugama yang sama (pagi).

Sementara bahagian syarahan lelaki tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Zaini bin A. Hamid dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (petang). Tempat kedua ialah Ak Elmi bin Pg. Haji Muhammad dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (pagi).

Sementara bahagian syarahan lelaki tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Zaini bin A. Hamid dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (petang). Tempat kedua ialah Ak Elmi bin Pg. Haji Muhammad dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (pagi).

Johan syarahan perempuan ialah Dayang Anita bte Haji Abd. Latif dari Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas, Subok, manakala naib johan ialah Dayang Hjh. Rasinah bte Haji Ahim dari Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Johan dan naib johan tersebut akan mewakili Kawasan Brunei I ke pertandingan suku akhir yang akan berlangsung pada 9hb. Mei ini di Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah bahagian lelaki dan di Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit bahagian murid-murid perempuan dalam pertandingan membaca Al-Quran.

Sementara peraduan syarahan pula bahagian lelaki akan diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop dan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna bagi peserta-peserta perempuan.

Dalam majlis pertandingan hari itu telah juga diadakan upacara penyampaian hadiah pelajaran terbaik 1982 bagi murid-murid sekolah agama kawasan tersebut. Awang Razali bin Haji Mohd. Tahir dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (petang) telah terpilih sebagai murid lelaki terbaik.

Dan Dayang Hjh Rosnah bte Haji Hassan pula telah terpilih sebagai murid perempuan terbaik. Manakala sekolah agama terbaik ialah Se... Ugama Pengiran ... Puteri Masna di Ba... Jalan Tutong.

---

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Mei, 1983 hingga ke hari Selasa 10hb Mei, 1983 adalah seperti di bawah ini :

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Magrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 5hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 6hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 7hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 8hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 9hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |
| 10hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

---

## Persatuan Saudara2 baru anjur perpaduan syarahan

TUTONG. — Persatuan Saudara-saudara Baru di sini yang baru saja ditubuhkan telah mengorak langkah pertamanya dengan satu rancangan iaitu menganjurkan peraduan syarahan dan membaca khutbah terbuka kepada saudara-saudara baru di daerah ini.

Peraduan syarahan agama hanya terbuka kepada peserta-peserta wanita manakala peraduan membaca khutbah dibukakan kepada peserta lelaki.

Borang-borang penyertaan boleh didapati dari Awang Haji Suhaili bin Abdullah di Tutong Kem atau dari Bahagian Dakwah dan Tabligh Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong.

Aktiviti keagamaan persatuan itu dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Dakwah dan Tabligh dan akan dilangsungkan di Sekolah Melayu Rambai pada 19hb. Mei ini. Pihak persatuan tersebut berharap ianya akan mendapat sambutan yang memuaskan dari saudara-saudara baru di daerah itu.

---

## 10 peser... terpilih ke pering... akhir

KUALA BEL... Dalam pertan... membaca Al-Qur... belia senegeri ... separuh akhir ... adakan di De... masyarakatan ... memilih 10 pese... bertanding di ... akhir yang akan ... sedikit masa lagi.

Lima orang ... terpilih ke pering... ialah Awang R... nan dari Persat... Belait, Emran ... chang mewakili ... Daerah Brune... Awang Abdul ... Samad dari ... Pemuda Pemu... Temburong. ... Mohd. Yamin ... Abu Momin ... Belia Berakas ... Awang Kassim ... Taha dari Persat... pung Pel... (PEDUMAN).

Sementara ... qariah, yang ... Rosmawati Haj... dari Persatuan ... Brunei-Muara, ... Haji Abd. Lam... Badan Kebaj... Sukan JKR ... Faridah Bungs... satuan Kamp... (PERKASA) ... Amidah Ghafar ... satuan Kebaj... puan Belait, ... Sufian dari ... Perempuan ... cawangan Tut...




# BULAN REJAB CATATKAN SEJARAH PENTING

MARILAH kita sama-sama bertakwa ...hadrat Allah dengan mengerjakan ...jua suruhan-Nya dan menjauhi ...jua larangan-Nya.

...sekarang berada dalam bulan Rejab, ...yang mencatatkan sejarah penting bagi ...umat Islam. Kerana di dalam ...Rasulullah s.a.w. dijalankan dari ...Mekah ke Baitulmaqdis oleh Allah, dan ...Mekraj menghadap ke hadrat-Nya ...ke Sidratul Muntaha.

...peristiwa ini ...terangkan oleh ...dengan firman-Nya : *Linuriyahu Min Aayatina*, untuk menunjukkan tanda-tanda kebesaran Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w., yang berupa bermacam-macam kejadian atau peristiwa. Sama ada yang telah berlaku atau sedang berlaku atau yang akan berlaku, semua itu dinampakkan oleh Allah dengan terang kepada Baginda. Hasil dari perkara-perkara yang ditunjukkan itu, menjadikan lagi Baginda lebih teguh dan kuat serta sabar dalam memperjuangkan agama Allah, dengan tidak memperdulikan rintangan dan bahaya dari musuh.

Inilah salah satu hikmat dan rahsia dari peristiwa Israk dan Mekraj itu. Kita orang-orang Islam patut benar mengetahui hal ini supaya dapat mencontohi dan menerima kesan yang sama sebagaimana kesan yang diterima oleh Nabi s.a.w.

Di antara kesan-kesan yang kita harap-harapkan itu, ialah melihat kejadian-kejadian yang terjadi di dalam peristiwa Israk Mekraj, bukan seperti kita melihat gambar atau mendengar cerita-cerita biasa yang cukup dengan lidah kita berkata : " Ya sesungguhnya bagus ceritanya," bukan tetapi apa yang disebut di dalam cerita-cerita Israk Mekraj adalah petunjuk dan tauladan secara langsung daripada Allah, yang mesti kita ambil pengajaran daripadanya dan diikut. Pada setiap tahun kita mendengar dan memerhati Israk dan Mekraj, sehingga barangkali ada yang sampai hafal atau sekurang-sekurangnya ingat cerita-cerita Israk dan Mekraj itu. Maka adalah sempurna lagi, kiranya di samping hafal atau ingat itu kita ikut dan patuhi ajaran-ajaran yang terkandung daripadanya. Malah ini yang lebih penting dari setakat mengetahui dan menghafal cerita-cerita itu, yang pada lazimnya akan diulang ceritakan oleh penceramah-penceramah agama pada setiap tahun, dan kita tidak jemu-jemu mendengarnya.

Alhamdulillah, di samping minat mendengar dan suka mempelajari dan mengetahui kisah-kisah yang terkandung di dalam peristiwa Israk dan Mekraj itu, kita berharap akan ditambah lagi dengan minat dan keyakinan mematuhi ajaran-Nya, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan hukum halal haram dan kewajipan terbesar umat Islam iaitu mendirikan ibadat sembahyang lima waktu.

Ibadat sembahyang lima waktu dipanggil oleh Hadis sebagai tiang agama, kalau patah tiang ini maka robohlah agama seseorang. Itulah, kerana menjaga maslahat agama orang Islam jangan sampai roboh, maka Nabi pula di dalam Hadisnya menyuruh orang-orang Islam supaya mengawasi sembahyang anak-anak. Dikehendaki kita (ibu bapa) supaya menyuruh anak-anak mengerjakan sembahyang bila sampai umur anak-anak itu 7 tahun, dan pukul apabila genap 10 tahun anak-anak itu tidak juga mahu sembahyang. Inilah dalilnya ibadat sembahyang itu mendapat keutamaan yang aula, sehingga dengan tidak menunggu sama ada baligh atau belum, apabila sampai sahaja umur kanak-kanak itu 10 tahun, maka perhitungan sudah mesti dibuat terhadapnya, tidak boleh ibu bapa menutup mata lagi. Sembahyang kanak-kanak itu wajib dipastikan.

Mengapa ibadat sembahyang itu sangat diberatkan, sehingga dengan tidak menunggu had baliqh seseorang? Jawabnya kerana ibadat itu sebenarnya adalah satu ibadat yang sangat berat yang berkehendakkan pemusatan jiwa yang bulat kepada Allah. Ibadat sembahyang bukan ibadat sampingan atau sambil-sambilan tetapi ibadat yang mesti dibuat dengan khusuk, dengan jiwa yang takut kepada Allah, maka baharulah dapat diharapkan ia akan terus menerus dibuat dengan tidak menabuk-nabuk atau dibuat hanya suka-suka hati sahaja. Firman Allah Taala, tafsirnya :

*"Sesungguhnya ibadat sembahyang itu adalah suatu yang amat berat, kecuali bagi orang-orang yang khusuk, yang jiwa raganya benar-benar tunduk kepada Allah, benar-benar takut dan gentar akan azab-Nya, dan sebaliknya gemar kepada syurga-Nya."*

Kerana itulah, Nabi menyuruh supaya kanak-kanak dari awal-awal lagi dilatih, diawas dan diperintah agar sembahyang, supaya kanak-kanak itu menjadi terbiasa, gemar, suka dan akhirnya takut untuk meninggalkan sembahyang. Dan adapun hati yang takut itu, itulah yang dinamakan hati khusuk dan takwa, hati yang taat, hati yang dapat memikul sepenuhnya kewajipan-kewajipan besar seperti kewajipan sembahyang ini.

Kita berharap mudah-mudahan dengan sempena menyambut Israk dan Mekraj pada tahun ini, ketaatan umat Islam di negeri ini semakin bertambah, dan kesedaran meningkat dalam melaksanakan perintah-perintah Allah dalam kehidupan kita.

# DENGKI MEMAKAN SEGALA KEBAIKAN

**Bingkisan minggu ini**

**Susunan Md. Ali Hj. Sabtu**

...dengki ...daripada ...kepada ...yang lain suatu ...yang lazim ...dalam kehidupan ...rakat. Tetapi ...yang dapat ...bahawa perasaan ...itu amat ...kepada ...dan juga masyarakat. ...kerana itulah ...Islam sangat ...perhatian ...pemeluknya ...berhati-hati ...jangkitan ...yang merbahaya

...dengki ini ...merupakan ...yang mudah saja ...di dalam ...misalnya ...orang lain ...taraf ...dengan itu ...pera- ...tidak senang ...lain berun- ...hasrat ...kannya.

...melarang ...itu ...dengki ...Islam lain. ...Islam ...supaya ...sedaya ...memperolehi ...nikmat ...hamba- ...jalan ...dapatkan- ...semestinya- ...gunakan ...usaha di jalan yang halal serta tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan agama dan tidak menyentuh atau merosakkan kedudukan orang lain. Faktor ini adalah sesuai dengan ajaran Islam yang menghendaki akan kedamaian dan kesejahteraan seluruh umat manusia.

Kita umat Islam perlulah menyedari akan hakikat bahawa memiliki sifat dengki khianat boleh merosakkan kedudukan amal baik yang kita lakukan selama ini, sebagaimana yang diterangkan di dalam hadis Nabi s.a.w. yang kira-kira maksudnya: *"Dengki itu memakan akan segala kebaikan seperti api memakan kayu yang kering,"* di sini amat jelas diterangkan oleh Baginda Rasulullah bahawa sifat hasad dengki itu boleh membawa kepada kerosakan segala amal kebajikan yang telah kita lakukan selama hidup kita dan juga ianya boleh menyebabkan satu perpecahan di dalam masyarakat.

Dari Annas r.a. beliau berkata, telah bersabda Nabi Muhammad s.a.w. yang maksudnya, *"Janganlah kamu benci-membenci dan juga janganlah dengki mendengki dan juga jangan kamu belakang-membelakangi dan juga memutuskan hubungan. Jadilah kamu sekelian hamba Allah yang bersaudara, tidak boleh seseorang Islam itu tidak menegur saudaranya sesama Islam lebih dari tiga hari."*

Adalah amat merumitkan jikalau kita sesama umat Islam masih lagi tidak bersatupadu, tidak bersatu hati dan masih ada yang menyimpan sifat-sifat yang tidak baik terhadap sesama Islam. Sebagai seorang Islam yang mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, dan Al-Quran itu sebagai ikutan dan petunjuk bagi kita. Maka di dalam menjalani kehidupan sehari-hari, kita tidak akan lari dari bersandarkan kepada ajaran Allah dan sunah Rasulullah, dengan yang demikian kita akan memperolehi kehidupan yang sejahtera dan diredai oleh Allah.

Kita hidup di muka bumi ini memang tidak terlepas dari melakukan kesilapan dan oleh itu kita haruslah berhati-hati di dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, agar tidak menyalahi hukum dan boleh mengganggu kehidupan sendiri dan orang lain.

Wang dan harta yang bertimbun, pasti tidak ada gunanya lagi andainya tubuh terlantar tidak bermaya, begitu juga tidak ada gunanya kita beramal ibadat sedangkan perkara yang boleh menghapuskan pahala amal itu kita lakukan juga, hanya yang kita dapati cuma penat dan lelah sedangkan tujuan asal kita untuk mencari keredaan Allah tidak akan kita temui.

Oleh itu kita hendaklah berusaha sedaya upaya kita untuk mengelakkan daripada melakukan sifat dengki, khianat, serta apa juga amalan-amalan yang dilarang oleh agama seumpama benci membenci, belakang membelakangi, dan memutuskan hubungan sesama Islam. Mudah-mudahan dengan yang demikian itu akan lahirlah rasa cinta yang sejati kepada agama, masyarakat, serta berperi kemanusiaan sesuai dengan apa yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. Oleh itu amatlah mustahak kita menyedari kembali akan kesilapan yang pernah kita lakukan, dan oleh itu tidak ada jalan lain yang hendak kita tuju melainkan di jalan taubat yang masih terbuka serta kita sedaya upaya untuk memperbaiki segala kesilapan yang pernah kita lakukan.

# Sesuaikan pembangunan dengan latar belakang sejarah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pada zaman ini kita telah menyedari bahawa bangsa dan negara Brunei Darussalam memerlukan pembangunan baik dari segi pemikiran, pengetahuan, kepandaian, kelayakan termasuk perusahaan yang menjadi sumber perekonomian.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri berkata bahawa dalam melaksanakan pembangunan itu bukan saja perancangan dibuat tetapi tidak kurang pentingnya sejarah bangsa dan negara kita diketahui terlebih dahulu supaya pembangunan itu dapat disesuaikan dengan latar belakang sejarahnya.

Katanya, kalau kita hendak membuat satu rancangan, latar belakang sejarah bangsa dan negara kita, perlu diketahui agar sesuatu rancangan itu benar-benar sempurna dan berlawanan dengan kenyataan sejarah yang sebenarnya untuk mengelakkan timbulnya sebarang masalah.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, menyatakan demikian di majlis perjumpaan bagi penubuhan Persatuan Sejarah Brunei pada 24hb. April, lepas di Bilik Kuliah Dewan Peringatan Churchill.

"Betapa pentingnya sesuatu sejarah kepada bangsa dan negara sendiri terutama sekali untuk pembangunan yang memerlukan latar belakang, sebab-musabab sesuatu peristiwa itu terjadi sama ada berfaedah atau mendatangkan mudarat ataupun mengapa sesuatu kejadian terus berkembang dan mengapa pula kejadian itu terhenti atau terus lenyap. Ini hanya akan dapat diketahui dari sejarahnya. Semakin luas sejarah itu diketahui, semakin lebih jelas kedudukan kejadian itu ternyata," ujarnya.

Dalam mengenal sejarah itu, tambahnya, kita perlu menyedari bahawa tidak ada negara maju di dunia ini yang mengabaikan penyelidikan sejarah negara dan bangsanya malah sejarah itu diutamakan dan dipesatkan penyelidikan dan pengumpulan bahannya sehingga dikhususkan penyelidikan itu bagi sesuatu sejarah umpamanya sejarah pembangunan, pendidikan, perekonomian, politik dan lain-lain lagi.

Selanjutnya kata Y.B. Pehin kadang-kadang kalau sesuatu sejarah itu tidak diketahui dalam menjalankan sesuatu rancangan tanpa disedari ia boleh merosakkan rancangan tersebut. Kalau cara seperti itu dilakukan sudah tentu rancangan itu tidak berhasil dengan sempurna. Sebab itulah pengetahuan sejarah perlu dicari di mana ia tersimpan, dikumpulkan, dikajiselidik untuk dijadikan panduan bagi sesuatu perancangan.

Bagi menuju maksud itu satu daripada usaha yang perlu dijalankan selain daripada Pusat Sejarah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah D.Y.M.M., rakyat dan penduduk negeri ini terutama para intelek perlu juga memberikan kerjasama mengungkayahkan melalui Persatuan Sejarah seperti yang ditubuhkan pada hari itu, kelas Y.B. lagi.

Dalam perjumpaan pada hari itu majlis telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Persatuan Sejarah Brunei serta menggubal sebuah jawatankuasa sementara seramai lima belas orang yang dipilih dari beberapa buah jabatan-jabatan Kerajaan dan institusi tertinggi.

Mereka itu ialah YDM Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim; Awang Haji Abd. Saman bin Kahar; Pg. Haji Ahmad bin Pg. Haji Mohd. Yusuf; Awang Abd. Latif bin Haji Ibrahim; Awang Metussin bin Omar; Awang Haji Abd. Rahman bin Khatib Abdullah; Awang Haji Mohd. Noor bin Chuchu; Awang Haji Hashim bin Abd. Hamid; Awang Sumadi bin Sukaimi; Awang Muhammad bin Haji Damit; Awang Haji Mokhsin bin Abu Bakar; Sharifah Naema bte Syed Mansor; Ak. Mohd. Salleh bin Pg. Kamaluddin; Awang Haji Ibrahim bin Haji Ghani dan Dayang Adina bte Othman.

Jawatankuasa sementara itu akan mengadakan mesyuaratnya yang pertama bagi mengusai rangka undang-undang persatuan tersebut pada satu tarikh yang akan ditetapkan nanti. Apabila persatuan itu telah diluluskan dan didaftarkan, barulah nanti persatuan itu mengorak langkah menjalankan penerimaan ahli-ahli baru.

Menurut salah seorang ahli jawatan kuasa sementara penaja persatuan tujuan penubuhan Persatuan Sejarah Brunei itu antara lain ialah, utnuk menimbulkan minat yang lebih luas terhadap sejarah, kebudayaan dan adat resam penduduk negeri Brunei dan wilayah-wilayah jiran; untuk menggalakkan pemeliharaan barang-barang, binaan-binaan dan kawasan-kawasan yang mempunyai tarikh sejarah dan kebudayaan di daerah-daerah tersebut; untuk membantu dalam penyelidikan dan penyimpanan rekod sejarah, cerita rakyat, tradisi, bahasa dan adat resam penduduk di negeri ini; untuk menerbitkan majalah dan penerbitan lain yang berunsur sejarah dan perkara-perkara berkaitan dengannya; dan untuk mengadakan perjumpaan seperti seminar, persidangan dan lain-lain, baik bercorak setempat atau antarabangsa bagi meninggikan penyajian dan pengajian sejarah Brunei.

## Pegawai2 AMDB naik pangkat

BANDAR SERI BEGWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menaikkan pangkat tiga orang pegawai dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Dua orang Leftenan dinaikkan pangkat Kaptan. Mereka ialah Lt. Osman bin Salleh dari Pusat Latihan dan Lt. Haji Mahmud bin Haji Pauji dari Cawangan Udara. Kenaikan pangkat bagi mereka bermula dari 23hb. April, 1983.

Pegawai Kadet Ak Zulkifli bin Pg. Ismail dari Batalion Pertama dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Muda mulai 8 hb. April 1983.



Sebahagian daripada ahli-ahli jawatankuasa sementara Persatuan Sejarah B...

# Kemudahan tidak terjamin tanpa tanggungjawab bersa...

KUALA BELAIT. — Kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan bagi belia-belia di negara ini tidak akan terjamin jika belia-belia tidak turut memainkan peranan mereka secara individu atau berpersatuan bagi sama-sama bertanggungjawab memelihara dan mengekalkan keamanan, ketenteraman dan mengamalkan adat resam dan cara penghidupan orang-orang kitani.

Dalam kontek bertanggungjawab pada negara, para belia mempunyai banyak cara yang boleh disumbangkan, antaranya ialah menjadi mata-telinga kepada pihak-pihak yang berwajib untuk melaporkan orang-orang yang masuk secara haram ke negeri ini, menjaga dan mengawasi kemudahan-kemudahan awam, dan berusaha sama memelihara kebersihan dan membisaikan bandar dan daerah.

Pegawai Da... Awang Haj... Tudin berk... telah mem... tukan kewa... juta ring... kemudahan ... memasuki be... seperti ... olahraga, ... sebagainya. ... jaan senti... galakan, ... bingan.

"Tegasnya ... pergerakan ... bertentangan ... Undang-Undang ... sentiasa ... kemudahan ... Kerajaan ... Jabatan Kera... Pegawai Daerah ...

Lihat mu...

# Radio dan TV salur penerangan untuk rakyat

KUALA BELAIT. — Dalam apapun fungsi radio dan televisyen, perhatian utama ditumpukan ialah keupayaannya memberi fahaman kepada masyarakat terhadap penerangan, baik yang disampaikan secara formal atau tidak formal. Ini adalah wajar memandangkan fungsi utama radio dan televisyen ialah menyalurkan penerangan pihak Kerajaan kepada rakyat dan dari rakyat kepada Kerajaan.

Yang demikian, memerlukan pemikiran mengenai cara penyampaian penerangan-penerangan dalam berbagai bentuk, selain dari cara formal, sesuai dengan minat segolongan anggota masyarakat yang mungkin tidak dapat menerima penerangan yang diberikan secara formal.

"Jadi dalam soal penerangan, kami sentiasa memikirkan apakah bentuk menyampaian secara formal itu akan dapat diterima baik oleh masyarakat dan golongan masyarakat yang macam manakah yang menerima jenis penerangan secara formal ini, dan golongan macam manakah yang perlu diberi penerangan melalui saluran-saluran yang lain," Awang Abd. Kadir Cheku menjelaskan.

Pemangku Ketua Rancangan Radio Televisyen Brunei itu memberitahu penyampaian secara formal jelas berbentuk penerangan, sementara satu cara penyampaian lagi ialah penerangan yang tertulis dalam rancangan-rancangan siaran, radio dan televisyen.

Awang Abd. Kadir berkata, jenis penerangan yang disampaikan secara langsung adalah berupa ceramah pembesar negara dalam kenyataan yang melibatkan dasar, sementara terdapat juga selitan penerangan untuk masyarakat mengenai moral yang baik, projek-projek Kerajaan serta kemajuan dalam bidang sosioekonomi negara yang disalurkan dalam berbagai bentuk, dalam rancangan dialog, hal-ehwal semasa, liputan nasional atau rancangan berbentuk drama.

Awang Abd. Kadir dalam kenyataanya kepada peserta Taklimat Belia di Dewan Kemasyarakatan di sini baru-baru ini menjelaskan bahawa selain mementingkan fungsi penerangan, Radio dan Televisyen Brunei juga tidak mengenepikan fungsinya di segi pelajaran dan hiburan.

Katanya, pihak Radio dan Televisyen Brunei sentiasa memikirkan hasrat penubuhan jabatan itu sendiri, yang mana sebagai media Kerajaan fungsi penerangan adalah diutamakan.

"Namun demikian sudah tentulah hasrat untuk mencapai fungsi itu tidak akan berkesan jika sebahagian besar rancangan radio dan televisyen berkisar hanya kepada perkara-perkara penerangan tanpa mengira selera masyarakat untuk mendapatkan rancangan di bidang pelajaran dan hiburan."

Lihat muka 7



Awang Sarbini



Awang ...



Dk. Azizah



Awg. Johar



## Ikuti kursus Pos di K...

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos akan bertolak ke Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 7hb. Mei untuk mengikuti kursus di Institut Latihan Pos Kuala Lumpur.

Tiga orang akan mengikuti Kursus Mel. Mereka ialah Awang Johar bin Johari, Dayang Janis binte Hussin @ Tussin dan Dayangku ... Pengiran ... Daud.

Awang ... Agong da... bin Haj... mengikut... Kewangan ...

Kursus ... diadaka... minggu ... dan dik... dengan ... patan se...

## MAJLIS TAKLIMAT

Liputan : Aisah Piee
Muhaimin Haji Mohammad.

# TIDAK ADA SEBAB UNTUK GELISAH — Pengarah Penerangan

...AR SERI BEGAWAN. — ... Penerangan, Awang Haji ... bin Pengarah Haji Othman ... tidak ada sebab bagi sesiapa yang ... kepentingan yang baik ... negeri ini untuk menimbulkan ... yang menggelisahkan di kalangan ... ramai terutama di saat-saat men... kemerdekaan.

... sebarang desas-desus, apa lagi ... khabar-khabar angin yang ... basutan dan sebagainya ten... tidak selaras dengan kepentingan ... baik dia rakyat mahupun ... rakyat.

... Haji Badaruddin membuat ... demikian dalam Majlis ... bagi sekumpulan 40 orang pen... Mukim Berakas di Bahagian ... Khamis lalu, yang telah ... oleh Pemangku Pegawai ... Awang Momin bin Ahmad.

Pengarah Penerangan berkata, "Memang tidak ada sebab untuk sesiapa merasa gelisah atau cuba menimbulkan kegelisahan di kalangan orang ramai. Perhubungan Kerajaan dengan rakyat dan sebaliknya adalah sangat baik di mana semangat kerjasama dan persefahaman sentiasa menjadi asas dalam perhubungan itu."

Awang Haji Badaruddin seterusnya menjelaskan bahawa kita juga telah mendapati sikap yang tegas mengenai minat dan perhatian terhadap kehidupan yang tenang dan aman damai, di kalangan rakyat dan penduduk.

"Dalam dekad-dekad terakhir, kita di negeri ini sebenarnya telah mengalami dan menikmati suatu keadaan di mana setiap orang di setiap peringkat kehidupan saling percaya mempercayai di mana kita pada keseluruhannya mempunyai kepentingan yang sama bagi berkehidupan yang sejahtera," jelasnya.

Yang demikian, katanya, jika terdapat sebarang percubaan untuk menimbulkan semacam keadaan yang tidak menentu di kalangan rakyat dan penduduk, tentulah berpunca dari anasir-anasir yang berniat jahat bukan sahaja terhadap Kerajaan bahkan juga terhadap kita keseluruhannya yang sedia menikmati hidup sejahtera tanpa menaruh sebarang kecurigaan terhadap satu sama lain.

Pengarah Penerangan dalam kenyataannya hari itu seterusnya mengingatkan bahawa apa yang perlu bagi setiap orang dalam menjaga kepentingan kita ialah untuk lebih berhati-hati, katanya langkah yang sangat berkesan ialah dengan meningkatkan kewaspadaan terhadap kepentingan kita yang sebenar iaitu untuk berkehidupan yang sejahtera dan aman.

"Dalam pada itu kita percaya masyarakat pada keseluruhannya dari berbagai keturunan yang ada di negeri ini adalah bersikap rasional. Kita mempunyai pengalaman yang sama dalam menilai ertikata kesejahteraan hidup sebab kita sama-sama menikmatinya menerusi pimpinan Kerajaan kita," jelas Awang Haji Badaruddin.

Dengan itu, Pengarah Penerangan menambahkata, bahawa kita menaruh kepercayaan bahawa kita semua, rakyat dan penduduk Brunei dari semua keturunan akan sentiasa berfikir, berniat dan bertindak dalam lingkungan kepentingan bersama untuk mengekalkan keamanan.

"Menerusinya kita semua patut meningkatkan rasa persefahaman dan percaya mempercayai di antara satu sama lain serta mengelakkan sebarang kecemburuan dan kecurigaan," jelas Awang Haji Badaruddin.

# Berbagai rancangan diatur bagi Daerah Temburong

...AN BANGAR. — ... Pegawai Daerah ... Ak Salleh bin ... Kamaluddin dalam ... nya kepada ... peserta taklimat ... menggariskan ... perkembangan ... yang ter... di daerah tersebut ... projek-projek ... yang sedang ... pembinaan ... yang akan di... pembinaannya.

... projek-projek ... sedang di... oleh Kera... rumah sakit, ... menengah, ... pejabat-pejabat ... Pejabat Hal... Ugama, Komplek ... bagi ... pejabat ... janakuasa letrik, ... perpindahan dan ... yang ... hubungkan Kam... Senukoh dengan ... Piasau-Piasau.

... menyatakan ... kepada seramai ... peserta-peserta ... dari Mukim ... bertempat di ... Bahagian ... Cawangan ... dalam siri ... Bahagian ... pada hari ...

... baru yang ... kira-kira ... sedang dalam ... Apabila ... ianya boleh ... seramai 300 ... berbanding ... lama hanya ... seramai 14



Penolong Pegawai Daerah Temburong, Ak Salleh bin Pg Kamaluddin.

orang. Bangunan tersebut terletak setengah batu dari Pekan Bangar dan dibina di atas tanah seluas tujuh ekar dan dijangka siap pembinaannya dalam bulan Julai 1984. Rumah-rumah untuk kakitangan perubatan juga akan di sediakan, jelasnya.

Mengenai dengan sekolah menengah katanya, ianya boleh menampung seramai seribu dua ratus orang penuntut yang menduduki tingkatan satu hingga ke tingkatan lima. Peringkat pertama pembinaan sekolah tersebut telah pun selesai sementara peringkat kedua telah pun dimulakan baru-baru ini. Sekolah tersebut menelan belanja lebih tiga belas juta ringgit dan dijangka siap pada awal tahun 1985.

Seterusnya Penolong Pegawai Daerah itu berkata, bangunan pejabat-pejabat Kerajaan yang menelan belanja kira-kira 13.5 juta ringgit akan dibina berdekatan dengan tebing Pekan Bangar dan kerja-kerja pembinaannya akan dimulakan pada tahun ini juga. Pejabat Hal-Ehwal Ugama yang bernilai 1½ juta ringgit dijangka siap pada bulan Julai ini termasuk dua buah rumah pangsa yang mengandungi dua belas buah unit kelas 'C' dan 'F'. Peruntukkan sebanyak hampir lima juta ringgit juga telah disediakan bagi membina komplek perumahan kelas B, F dan G, sementara satu juta ringgit lagi dianggarkan bagi membina rumah rasmi Pegawai Daerah Temburong. Kerja-kerja pembinaanya dijangka akan bermula pada pertengahan atau akhir tahun ini.

Memandangkan bekalan tenaga letrik tidak mencukupi maka Kerajaan telah memulakan pembinaan sebuah janakuasa letrik yang baru di Kg. Belingos yang mana bila ianya siap nanti akan dapat membekalkan api letrik ke kampung-kampung di sepanjang Kg. Batu Apoi yang mana pada masa ini tiang-tiangnya telah pun didirikan. Projek tersebut menelan belanja lebih kurang 4.5 juta ringgit.

Ak. Salleh selanjutnya menyatakan bahawa salah satu rancangan yang terbesar yang sedang diungkayahkan oleh Kerajaan di daerah Temburong ialah rancangan perpindahan di Kg. Rataie iaitu kira-kira enam batu dari Pekan Bangar. Luas kawasan tersebut ialah tiga ratus ekar dan boleh menampung seramai tiga ribu lima ratus orang penduduk. Sementara itu kerja-kerja bagi membesarkan dan membina jambatan dari Senukoh ke Piasau-Piasau juga sedang berjalan dengan lancarnya.

Sementara itu katanya lagi, di antara projek-projek Kerajaan yang dalam perancangan dan pertimbangan pihak Kerajaan ialah rancangan bekalan air, ibu sawat telefon dan sebuah komplek sukan yang mana pemilihan tapaknya telah pun dicadangkan di Kg. Batu Apoi seluas tiga puluh ekar dan dijangka akan menelan belanja kira-kira 3.5 juta ringgit.



Peserta-peserta taklimat dari Mukim Berakas bergambar ramai di hadapan bangunan Pejabat Bahagian Penerangan Cawangan Temburong.

# Belia2 Belait bergerak cergas

Dari muka 6

Awang Haji Puasa menambah kata, "Belia-belia hendaklah jangan berdiam sahaja menunggu sesuatu itu tiba tetapi hendaklah berfikir dan cuba menjalankan projek-projek yang berkebajikan dan berfaedah untuk belia-belia, masyarakat dan negara."

Tetapi dalam pada itu, katanya, adalah penting bagi belia membuat perancangan dan pemikiran yang teliti ke atas projek-projek yang akan dilaksanakan, dari semua aspek dengan menimbangkan pro dan kontranya dalam memberi manfaat dan faedah bukan saja kepada persatuan tetapi juga kepada masyarakat dan negara.

Awang Haji Puasa ketika berucap di Majlis Penutup Rasmi Minggu Belia Daerah Belait baru-baru ini berkata, Minggu Belia telah membuka peluang kesedaran bagi belia-belia di daerah itu memandang ke hadapan di dalam berbagai aspek tanggungjawab terhadap masyarakatnya.

Sementara itu, Pengerusi Minggu Belia, Awang Ismail bin Apong membuat kenyataan bahawa persatuan-persatuan belia di daerah itu, sejak kebelakangan ini, telah menampakkan kegiatan masing-masing dengan mengadakan Mesyuarat Agung persatuan di samping mengikuti aktiviti-aktiviti anjuran Majlis Belia daerah.

"Ini menunjukkan pertanda baik yang belia-belia di Daerah Belait telah menyedari tanggungjawab mereka kepada masyarakat di sekelilingnya lebih-lebih lagi dalam saat-saat negara kita Brunei Darussalam akan mencapai taraf kemerdekaan yang tulen lagi berdaulat," jelasnya.

Awang Ismail, yang juga selaku Pegawai Kanan Belia dan Sukan Daerah Belait, dalam ucapan alu-aluannya malam itu menjelaskan bahawa Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan juga begitu mengambil berat akan perkembangan kegiatan belia di daerah itu.

Sebagai contoh, Kerajaan merancang projek besar bagi mendirikan sebuah Kompleks Sukan yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti padang permainan, dewan awam, kolam berenang, asrama dan lain-lain bagi kegunaan para belia khasnya dan penduduk daerah itu amnya. Kompleks Sukan itu terletak di Kampung Mumong, di mana peringkat awal kerja-kerja menimbuk dan meratakan tanah akan dimulakan tidak berapa lama lagi.

Antara acara yang terkandung dalam majlis malam itu ialah persembahan kebudayaan gendang asli dan Tarian Tamaruk dari Persatuan Liang/Lumut, serta persembahan silat dan kuntau.

Juga menjadi acara Minggu Belia ialah Musabaqah Al-Quran Belia Peringkat Separuh Akhir dan Pameran Hasil Kerja Tangan dan Masakan Asli Wanita. — AP.

# Fungsi penerangan diutamakan

Dari muka 6

Fungsi pelajaran juga mempunyai dua saluran utama jelas beliau, iaitu penyampaian secara formal melalui Televisyen Pendidikan, pelajaran peringkat rendah khusus bagi anak-anak prasekolah, atau yang baru masuk sekolah, dan kedua, melalui rancangan-rancangan yang berunsur ekonomi dan Ilmu Alam yang berupa sajian kepada masyarakat dewasa.

Pemikiran juga ditumpukan kepada waktu rancangan pendidikan itu ditayangkan, terutama pada mensesuaikan rancangan bagi kanak-kanak. Untuk mereka ini, Awang Abd. Kadir menjelaskan rancangan hendaklah tidak ditayangkan selepas jam 8.30 malam.

Bagaimanapun, dalam rancangan hiburan, jabatan itu lebih menitik-beratkan rancangan terbitan tempatan agar bentuk keseluruhan rancangan benar-benar mencerminkan identiti negeri ini.

Tetapi, katanya lagi, ini menjadi satu perkara yang agak sulit dan susah memandangkan usia radio dan televisyen yang baru setahun jagung dengan kakitangan dari anak-anak tempatan yang masih terhad. — AP.

# DIALOG SEMASA

diusahakan/disusun oleh: MANAF HA…
dengan kerjasama
Bahagian Melayu Radio Brunei.

**Fokus : Dewan Perniagaan Melayu**

# DIASASKAN DARI KESEDARAN DAN EKONOMI JANGKA PANJANG

*DS : Bagaimana mula timbulnya kesedaran untuk menubuhkan Dewan Perniagaan Melayu dan perusahaan Melayu Brunei ini?*

Awang Haji Hapidz : Dewan Perniagaan Melayu Brunei ini ditubuhkan pada tahun 1964. Penubuhannya adalah diasaskan dari kesedaran sebilangan besar peniaga-peniaga Melayu Brunei yang menyedari akan nasib mereka sebagai peniaga Melayu dan memikirkan jangka panjang ekonomi orang Melayu yang tidak dinafikan pada masa itu terlalu jauh ketinggalan belakang. Maka timbullah kesedaran di kalangan mereka hingga tertubuhnya Dewan ini.

Melalui Dewan ini maka diharapkan peniaga-peniaga Melayu akan dapat menggabungkan diri ke dalam Dewan ini sebagai suatu badan yang akan dapat memberikan bantuan serba-serbi yang boleh bagi meninggikan taraf perniagaan mereka khasnya dan ekonomi orang-orang Melayu umumnya.

*DS : Apakah pula dasar-dasar yang terkandung dalam Dewan ini?*

Awang Haji Hapidz : Dasar dan tujuan yang terkandung ada lima. Pertama untuk menyatupadu serta menggabungkan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu dalam apa juga bentuk perdagangan dan perusahaan dan memperjuangkan kepentingan mereka di samping menyelaraskan kegiatan ahli-ahli di semua peringkat.

Kedua berusaha dan mencari jalan penyelesaian dalam semua perundingan yang bersabit dengan kepentingan ahli-ahlinya.

Kedua berusaha dan mencari jalan penyelesaian dalam semua perundingan yang bersabit dengan kepentingan ahli-ahlinya.

Ketiga membuat perundingan atau membantah sesuatu penetapan yang berlawanan dengan kepentingan pengusaha-pengusaha peniaga-peniaga Melayu di negeri ini.

Keempat membimbing serta menanamkan kepercayaan kepada ahli-ahli dan berusaha bagi meninggikan taraf perniagaan dan perusahaan yang berdasarkan peri kemanusiaan.

Kelima mengusahakan bagi menambah ilmu pengetahuan ahli-ahli dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Lima dasar inilah yang menjadi rukun Dewan Perniagaan Melayu Brunei.

*DS : Macam mana pula cara penerimaan kemasukan ahli-ahli?*

Awang Haji Hapidz : Semasa bermula pembentukannya tahun 1964, telah dapat mengumpulkan sebilangan besar peniaga-peniaga Melayu dan kehadiran mereka serta penerangan-penerangan yang diberikan kepada mereka terdapat sokongan yang penuh terhadap penubuhan dewan perniagaan ini dan sebagai bukti hingga kini ianya masih bergerak menuju matlamat yang dihasratkan dalam dasar dan perlembagaannya.

*DS : Apakah peranan yang dimainkan oleh Dewan ini setelah perlembagaannya dibentuk?*

Awang Haji Hapidz : Usaha yang dibuat ialah menyedarkan orang Melayu untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Sebelum ini kurang kesedaran di kalangan mereka. Itulah asas utama yang ditekankan oleh Dewan ini.

Selain itu ianya juga berusaha dalam memberikan petunjuk dan nasihat kepada ahli-ahli yang bergabung serta mencarikan seberapa boleh hubungan bagi perniagaan mereka sama ada di dalam dan luar negeri.

Dalam pada itu Dewan ini juga sedang memecahkan beberapa masalah yang dihadapi oleh peniaga Melayu, misalnya tempat berniaga, kewangan, soal ilmu pengetahuan berniaga dan sebagainya, dan Dewan masa ini benar-benar berusaha bagi mengatasi masalah tersebut.

*DS : Bagaimana hubungan Dewan ini dengan negara-negara luar?*

Awang Haji Hapidz : Sememangnya pada dasarnya Dewan ini seberapa boleh akan mencari hubungan perniagaan dan beberapa tahun lepas Dewan telah juga menghantar rombongan keluar negeri untuk membuat hubungan perniagaan dan juga untuk mempelajari keadaan perjalanan perniagaan di negara yang dilawati itu.

Setakat ini Dewan telah menghantar rombongan ke Filipina, Thailand, Singapura, Malaysia dan Indonesia. Selain itu lawatan juga telah dibuat ke Taiwan, Jepun dan lawatan ke Jepun ini adalah atas undangan Kerajaan Jepun.

*DS : Sejauh ini apakah faedah besar yang didapati oleh Dewan ini?*

Awang Haji Hapidz : Faedah yang didapati bukan saja oleh Dewan malah di kalangan ahli-ahlinya ialah timbulnya kesedaran menyedari pentingnya perniagaan dan meninggikannya. Dengan kesedaran itu orang-orang Melayu akan dapat bersaing dengan peniaga-peniaga asing di negeri ini.

Dengan adanya juga Dewan ini mereka telah dapat meneroka hubungan perniagaan keluar negeri. Ini adalah antara dua faedah yang besar.

*DS : Ke manakah nanti matlamat Dewan ini dalam membantu peniaga bumiputera untuk melaksanakan bidang ini dengan jayanya?*

Awang Haji Hapidz : Ke arah ini Dewan terlebih dahulu mengkaji di mana adanya kelemahan dan apakah masalah-masalah bumiputera dalam menghadapi perniagaan mereka.

Dari penyelidikan yang dibuat didapati ada beberapa faktor yang berbangkit. Punca utama ialah masalah kewangan yang kebanyakannya dihadapi oleh peniaga-peniaga. Memikirkan masalah ini selalu menjadi punca pihak Dewan mengambil keputusan dengan cadangan menubuhkan bank yang dipunyai seratus peratus oleh orang Melayu dengan tujuan dapat menyelesaikan masalah tersebut memandangkan kebanyakan peniaga merasa rumit meminjam kewangan dari bank-bank tempatan.

Sebabnya bank itu tentulah mengetahui latar belakang orang Melayu dalam menjalankan perniagaan mereka dan masalahnya sekali.

Melalui bank ini nanti akan dapat nanti menolong mengatasi masalah tersebut. Perkara ini masih dalam proses dan mudah-mudahan akan dapat diselesaikan seberapa cepat yang boleh apatah lagi keadaan negeri kita yang akan melangkah ke arena baru 1983 di mana orang Melayu dalam melaksanakan perniagaan dan meningkatkan taraf ekonomi mereka patut membuat langkah yang lebih positif lagi.

Dalam pada itu Dewan juga sedang berusaha memberikan tunjuk ajar kepada kaum bumiputera dalam bidang pemborongan.

*DS : Apakah pula langkah Dewan untuk mendedahkannya kepada peniaga-peniaga yang belum lagi bergabung dengannya?*

Awang Haji Hapidz : Memang banyak lagi peniaga Melayu yang belum menggabungkan diri dengan Dewan ini. Puncanya ialah kerana mereka belum dapat gambaran yang jelas mengenai Dewan ini. Tapi selepas mesyuarat agung yang lepas pihak Dewan telah mengatur beberapa rancangan untuk membuat kunjungan ke daerah-daerah bagi memberi penerangan dan ceramah kepada peniaga-peniaga di tempat tersebut.

Dengan langkah ini mungkin dapat menimbulkan kesedaran yang mendalam untuk menggabungkan diri kepada Dewan.

*DS : Macam… cara peni… Melayu yang… bergabung… ahli sepenuhnya?*

Awang Haji H… arah ini mene… mendapatkan… mohonan… syaratkan… perseorangan… berumur 21… syarikat pe… perdagangan… usahaan… keseluruhan… oleh orang… itu persatuan… Melayu boleh… mohon jadi… dengan cara… tuk dipertim…

*DS : Apakah… dicapai oleh…*

Awang Haj… Cita-cita d… ialah untuk… peniaga-peniag… dalam men… niagaan juga… bank orang… ping menda… untuk… bangunan… niagaan dan… Melayu Brun…


Awg Haji H…

**Diharapkan peniaga-pe… Melayu akan dapat m… gabungkan diri kedalam Dew… sebagai suatu badan yang… dapat memberikan bantuan s… serbi yang boleh menin… taraf perniagaan mereka kh… dan ekonomi orang-orang M… umumnya.**

**Sememangnya pada dasarnya Dewan ini seberapa boleh akan mencari hubungan perniagaan, dan beberapa tahun lepas Dewan telah menghantar rombongan keluar negeri untuk membuat hubungan perniagaan dan juga untuk mempelajari keadaan perjalanan perniagaan di negara yang dilawati itu.**

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 4HB MEI

PETANG

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
GREAT SPACE COASTER
THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
BERITA AWAL
DIFFERENT STROKES
3-2-1 CONTACT
AZAN MAGHRIB
3-2-1 CONTACT — sambungan

MALAM

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
JULIET BRAVO:
"The Anastasia Syndrome"
[illegible] seorang wanita tua memberi [illegible] kepada satu lawatan Diraja [illegible] Hartley? Apabila Ibu Pejabat [illegible] khas bertanya perkara ini kepada Inspektor Jean Barblay, dia [illegible] kurang menyedari tentang la[illegible] seumpamanya.
AZAN ISYAK
JULIET BRAVO — sambungan
WARTA BERITA
CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 4
LIPUTAN NASIONAL
PRIVATE BENJAMIN:
"Red And Blues"
Capt Lewis dijadikan pengadil dalam satu latihan padang infantri (field infantry exercise). Sementara itu nenek kepada Pt. Benjamin membuat satu lawatan dan seterusnya terperangkap dalam "peperangan" itu.
QUINCY: "Sword of Honour, Blade of Death"
TAYANGAN GAMBAR:
"Laboratory" (Scifi)
Kisah satu experiment bahaya yang hampir-hampir terjejas. Pelakon-pelakon: Camille Mitchell, Cornine Mi[illegible] dan lain-lain.
SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 5HB MEI

PETANG

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
SESAME STREET
BERITA AWAL
FLINTSTONE FROLICS
SAFARI TO ADVENTURE
AZAN MAGHRIB
SAFARI TO ADVENTURE — sambungan

MALAM

BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
KNIGHT RIDER:
"[illegible] Sammy's Stunt Show Spectacular"
Seorang pengusaha tanah yang tamak membuat rancangan untuk melumpuhkan perniagaan seorang stuntman, Sammy Phillips. Apabila Sammy tercedera, anak perempuannya, Lisa meminta bantuan Michael yang dengan sendirinya menjadikan Michael target [illegible] pengusaha tanah itu.
AZAN ISYAK
KNIGHT RIDER — sambungan
WARTA BERITA
CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 5
HIDAYAT
DUNIA MINGGU INI
ROAD TO WEMBLEY:
"[illegible] vs Sheffield"
NINE TO FIVE:
"The China Syndrome"
BELLAMY
SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 6HB MEI

[illegible] HARI

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA BERDOA

| | |
|---|---|
| 12.13 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 12.15 | RANCANGAN AGAMA |
| 12.30 | SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN |
| 1.30 | ROAD TO L.A. |

PETANG

| | |
|---|---|
| 2.15 | THE YOUNG MAVERICK — Pilot Pt. 1 |
| 3.00 | PUPPY SAVES THE CIRCUS |
| 3.30 | WILDLIFE ON ONE "Flower From The Flames" |
| 3.40 | AZAN ASAR |
| 3.43 | WILDLIFE ON ONE — sambungan |
| 4.00 | THESE ARE THE DAYS (Episod terakhir) |
| 4.25 | RENCANA TEMPATAN: Kampung Batu Marang (ulangan) |
| 4.55 | ELECTRIC COMPANY |
| 5.20 | AGRICULTURE: "Tilling the Soil" |
| 5.35 | THE ODDBALL COUPLE |
| 6.00 | BERITA AWAL |
| 6.05 | YOU ASKED FOR IT |
| 6.30 | SECRET VALLEY: "Spider McGlurk Meets His Match" |
| 6.31 | AZAN MAGHRIB |
| 6.41 | SECRET VALLEY — sambungan |

MALAM

| | |
|---|---|
| 7.00 | BERITA DALAM BAHASA INGGERIS |
| 7.15 | THE AMAZING SPIDERMAN: "The Kirkwood Hunting" |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 7.48 | SPIDERMAN — sambungan |
| 8.15 | WARTA BERITA |
| 8.35 | CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 6 |
| 8.45 | NASYID SEPARUH AKHIR No. 3 |
| 9.45 | DALLAS: "Barbaque Three" |
| 10.30 | DETECTIVE SCHOOL (Episod terakhir) |
| 11.00 | CBS SPORTS SPECTACULAR |
| 11.30 | STRIKE FORCE: "Magic Man" |
| 12.30 | SIARAN TAMAT. |

## HARI SABTU 7HB MEI

PETANG

| | |
|---|---|
| 4.15 | PEMBUKAAN |
| 4.16 | QURAN DAN MARI KITA BERDOA |
| 4.28 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 4.30 | KAP KAP UDANG |
| 5.00 | SESAME STREET |
| 6.00 | BERITA AWAL |
| 6.05 | GEOGRAPHY TODAY |
| 6.28 | WORLD OF BIRDS |
| 6.31 | AZAN MAGHRIB |
| 6.41 | WORLD OF BIRDS — sambungan |

MALAM

| | |
|---|---|
| 7.00 | BERITA DALAM BAHASA INGGERIS |
| 7.15 | BARBARA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS (Episod terakhir) |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 7.48 | BARBARA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS — sambungan |
| 8.15 | WARTA BERITA |
| 8.35 | CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 7 |
| 8.45 | LIPUTAN NASIONAL |
| 9.15 | DOC: Asean Development and Japan |
| 10.05 | TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: Bergadang |
| 11.35 | TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Springfield Rifle" (Western/Adventure) Seorang major yang dihukum (Court-martialed) bekerjasama dengan kumpulan penjahat yang mencuri senapang-senapang baru kepunyaan tentera. Tujuannya untuk mengenal pasti ketua mereka. Pelakon-pelakon: Gary Cooper, Phyllis Thaxter, David Brian, Paul Kelly, dll. |
| 1.05 | SIARAN TAMAT. |

## HARI AHAD 8HB MEI

PETANG

| | |
|---|---|
| 2.00 | PEMBUKAAN |
| 2.02 | QURAN DAN MARI KITA BERDOA |
| 2.13 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 2.15 | KIMBA THE WHITE LION: "The Return of Fancy Prancy" |
| 2.45 | THE JEFFERSONS |
| 3.10 | BIG LEAGUE SOCCER |
| 3.41 | AZAN ASAR |
| 3.44 | BIG LEAGUE SOCCER — sambungan |
| 4.00 | PLASTIC MAN |
| 4.30 | PANCA IRAMA No. 1 MAKTAB SOAS (ulangan) |
| 5.00 | TECHNOLOGY RISKS AND OPPORTUNITIES: "Storage" |
| 5.15 | ON SAFARI |
| 5.30 | SCIENCE INTERNATIONAL |
| 6.00 | BERITA AWAL |
| 6.05 | THE FONZ AND THE HAPPY DAYS GANG |
| 6.30 | LOVE SIDNEY: "Charlotte's Web" |
| 6.31 | AZAN MAGHRIB |
| 6.41 | LOVE SIDNEY — sambungan |

MALAM

| | |
|---|---|
| 7.00 | BERITA DALAM BAHASA INGGERIS |
| 7.15 | MATT HOUSTON: "Who Would Kill Ramona" |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 7.48 | MATT HOUSTON — sambungan |
| 8.15 | WARTA BERITA |
| 8.35 | CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 8 |
| 8.45 | SEJOLI No. 4 (Episod terakhir) |
| 9.35 | ONE IN A MILLION: "Suddenly Single" |
| 10.05 | IN THE MOUTH OF THE DRAGON (Episod terakhir) |
| 10.35 | THE BLUE AND THE GRAY |
| 11.15 | TALES OF THE UNEXPECTED: "The Luncheon" Seorang isteri menggunakan kedudukannya memujuk seorang penulis jujur supaya membawanya makan di restoran kepunyaan lelaki kekasihnya. |
| 12.15 | SIARAN TAMAT. |

## HARI ISNIN 9HB MEI

PETANG

| | |
|---|---|
| 4.15 | PEMBUKAAN |
| 4.16 | QURAN DAN MARI KITA BERDOA |
| 4.28 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 4.30 | KAP KAP UDANG |
| 5.00 | WHISPER OF GLOCKEN: "The Expedition Begins" |
| 5.15 | THE PERILS OF PENELOPE PITSTOP: "Carnival Clementi" |
| 5.40 | DASTARDLY AND MUTTELY |
| 6.00 | BERITA AWAL |
| 6.05 | THAT'S INCREDIBLE |
| 6.31 | AZAN MAGHRIB |
| 6.41 | THAT'S INCREDIBLE — sambungan |

MALAM

| | |
|---|---|
| 7.00 | BERITA DALAM BAHASA INGGERIS |
| 7.15 | THE POWERS OF MATTHEW STAR |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 7.48 | THE POWERS OF MATTHEW STAR — sambungan |
| 8.15 | WARTA BERITA |
| 8.35 | CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 9 |
| 8.45 | NASYID PERINGKAT AKHIR SIARAN LANGSUNG DARI DEWAN RAYA R.T.B. |
| 10.45 | SHOGUN (Episod terakhir) |
| 11.45 | WINNETOU (Episod terakhir) |
| 12.20 | SIARAN TAMAT. |

## HARI SELASA 10HB MEI

PETANG

| | |
|---|---|
| 2.00 | PEMBUKAAN |
| 2.01 | KORAN DAN MARI KITA BERDOA |
| 3.13 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 2.15 | IRAMA DAKWAH |
| 3.00 | DOKUMENTRI: "Islam" |
| 3.45 | ANIMATION SPECIAL |
| 4.30 | KAP KAP UDANG |
| 5.00 | GULLIVER IN LILLIPUT |
| 5.30 | HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION: "The Wild Swan" Bhg 3 |
| 6.00 | BERITA AWAL |
| 6.05 | RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT |
| 6.31 | AZAN MAGHRIB |
| 6.41 | RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan |

MALAM

| | |
|---|---|
| 7.00 | BERITA DALAM BAHASA INGGERIS |
| 7.15 | FALCON CREST: "Home Away From Home" Cole berpindah ke Demery Place di mana dia ada mempunyai pekerjaan. |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 7.48 | FALCON CREST — sambungan |
| 8.15 | WARTA BERITA |
| 8.35 | CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 10 |
| 8.45 | ARENA SUKAN |
| 9.30 | STRANGERS: "You Can't Win 'Em All". |
| 10.30 | TAYANGAN GAMBAR: "Help Wanted Male" Komidi romantik mengenai marriage of convenience yang luarbiasa. Pelakon-pelakon: Suzanne Pleshette, Gil Gerard, Bert Convy, Dana Elcar, dan lain-lain. |
| 12.00 | SIARAN TAMAT. |



THE YOUNG MAVERICK (dilakonkan oleh Charles Frank) ialah satu siri baru bercorak Western mempaparkan kisah seorang anak muda yang mempunyai jiwa bebas. Dia mempunyai seorang teman yang juga sealiran jiwa, Nell McGarra (dilakonkan oleh Susan Blanchard), mereka merantau menurut perasaan hati yang ingin mengembara. Rancangan baru ini bermula Jumaat depan kira-kira jam 2.15 petang.

# 10 PESERTA DIPILIH KE PERTANDINGAN BINTANG KECIL RADIO PERINGKAT AKHIR



Ak Mohd Yusri, dari Daerah Brunei-Muara, salah seorang peserta yang terpilih ke peringkat akhir.

PERTANDINGAN Bintang Kecil '83 peringkat separuh akhir telah diadakan pada hari Jumaat, 22hb April 1983 lalu bertempat di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei.

Seramai 20 orang peserta yang mewakili empat daerah telah beradu suara untuk melayakan diri ke peringkat akhir negeri (final) yang akan diadakan pada penghujung bulan ini.

Seramai 10 orang peserta telah terpilih ke peringkat akhir. Mereka ialah : —

Ak Mohd Yusri Pg Yahya — Brunei-Muara
Raezah Md Zain — Brunei-Muara
Roslan Haji Ibrahim — Temburong
Ak Sofian Pg Anak Hashim — Brunei-Muara
Ak Saiful Rizal Malek Faisal Pg Merali — Brunei-Muara
Dk Widayanordi Pg Tajuddin — Brunei-Muara
Ak Shamsul Rizal Malek Faisal Pg Merali — Brunei-Muara
Dk Rosdinah Pg Mohiddin Brunei-Muara
Nordayang Ali — Temburong
Norzelawati Mejenis — Belait

Pertandingan akhir akan diadakan pada hari Jumaat 27hb Mei 1983, disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen selepas warta berita.

RTB Intisari mi

## Radio minggu ini :

# YANG KONST

AMAN yang serba konstruktif. Bicara yang konstruktif. Berfikir yang konstruktif. Aksi yang konstruktif. Barulah sebuah mass-media itu bercorak konstruktif. Setengah jam drama ke udara dengan hasil karya yang kurang konstruktif maka akan sia-sialah masa setengah jam termasuk masa para pendengar yang mengikuti rancangan itu kerana hasil karya yang tidak atau kurang konstruktif.

Untuk menyalurkan sesuatu yang konstruktif menerusi sebaran am bahan-bahan itu perlu keluar dari kepala yang punya daya konstruktif. Sesuatu yang bersifat konstruktif tidak akan terbit dari kepala yang tidak punya kesedaran ke arah itu. Kerana kita akan dapat mengharapkan setitik darah dari seekor ikan kering. Bolehkah AWDA mengharapkannya? Mengharapkan itu titisan darah seekor ikan masin? Dan bila sesuatu yang tidak konstruktif dihidangkan kepada masyarakat maka akan terasa hidangan itu agak sumbang dan zaman negara kita sedang bergelora dengan nada-nadi konstruktif ini.

### "Reality"

Bukan pula kita punya idea supaya sebaran am itu secara total merupakan kempen tetapi harus membicarakan 'reality' kenyataan bahawa antara kerajaan dan rakyat ada seutas tali menghubung dalam bentuk seia sekata, sebulat dan sehaluan, segerak dan senadi iaitu sama-sama bertekad dan berazam mahu maju, mahu makmur lebih maju lebih makmur dari keadaan yang sudah makmur ini kerana kita hidup akan meninggalkan pesan dan pesaka tanahair ialah buminya dan generasinya.

### Perubahan zaman

Kalau dua puluh tahun dulu, kita cuma perlu hidup dengan padang minyak saja tetapi lihatlah kenyataannya hari ini bahawa kita memerlukan LNG, memerlukan Pelabuhan Muara, memerlukan lapangan terbang antarabangsa, memerlukan bangunan-bangunan indah-indah dan .... dan .... Kalau dulu kita cuma memerlukan belacan, garam dan sedikit-sedikit rancah-rancah lain, tetapi sekarang kita sudah memerlukan minyak sapi, telor separuh masak, dan rancah-rancah moden; dengan omo dan ajinomoto. Dulu cita-cita seorang ayah cuma ingin melihat anaknya pandai membaca doa selamat tapi sekarang mahu melihat anaknya memijak tangga universiti, membaca buku-buku ekonomi.... dan .... Dulu Labuan terasa amat jauhnya, sekarang ke Singapura berulang mandi, ke London beralih angin, alangkah ke Mekah dapat balik hari. Dan atas segala kemajuan itu dapatkah kita bernafas dalam serba suasana 'pre-war' sebelum perang. Kerana itu sekarang, orang memerluka
Bicara biar singk
Berdendang biar b
nadanya di telinga

Dan Radio Bru
nyak menampung
rita dan peristiwa,
sudah bercorak k
apa peratus k
pendengar yang
kerana telinga para
sebaik-baik hakim

### Tugas Juru

SiJuruhebah me
atu dari AWDA
mana sahaja AWDA
sebahagian tugasnya
perti menyampaik
mintaan. Kiranya
pan berbau asmara
rikan sesuatu sum
cinta. Dan kalau
nyi; Tahniah atas
membangun firma
prise, maka ucapa
sesuatu yang ko
ekonomi dan perus
soalnya sekarang
AWDA andainya
mah, atau menyam
nerusi alat sebaran
hemat kita sekali
arlah yang konstr
hasrat Kerajaan
kemajuan untuk
MERDEKAAN.
membina.

## Dyg. Samira tetamu rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar

PERSERTA bagi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dyg. Samira bte Majid beralamat di No: 10 B Kg. Kiarong, Brunei.

Seperti biasa peserta dalam rancangan ini akan memilih beberapa buah lagu untuk hiburan para peminatnya.

Kepada awda yang meminati rancangan ini jangan lupa mengikuti siarannya pada hari Isnin, 9hb. Mei jam 1.30 petang.



ini

TIF

ah Bahasa
Kita

6hb. Mei. 1983
pukul 9.00 pagi
Saku Akhir Bahagian
Menengah atas:
INGGERIS PERDA-
NA WAZIR
bertemu
ANTHONY ABELL
6hb. Mei. 1983
1.30 tengah hari
Bahagian Menengah
Atas:
TINGGI PEREMPU-
AN RAJA ISTERI
bertemu
SULTAN OMAR ALI
SAIFUDDIN

ttle of Words

SECONDARY SCHOOL
GEORGE'S SCHOOL
Vs
WAZIR ENGLISH
KUALA BELAIT
TH MAY, 83) AT

ARET'S SCHOOL
Vs
A.S. COLLEGE
TH MAY, 83) AT

an TV
ikan
Mei
1983.



ADEGAN dari Tayangan Gambar Selasa depan HELP WANTED: MALE. Di tengah kelihatan seniwati Suzanne Phlesette yang turut membintangi filem ini.

# *ZURINAH — tajuk sandiwara minggu ini*

ANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul ZURINAH tulisan Zefri Ariff, Brunei

Penulis mengutarakan tentang kisah cinta yang dialami oleh anak muda yang sedang menuntut di kampus. Bagaimanapun, walaupun masih menuntut, perkara itu tidak pula merupakan sebagai gangguan kepada mereka, malahan menjadi pendorong kepada mereka untuk mencapai kejayaan.

Zurinah dan Zahid mula-mula bertemu di kampus, dan diperkenalkan oleh Edah yang secara kebetulan tinggal sebilik dengan Zurinah di asrama. Dari perkenalan pertama itulah telah menimbulkan bibit-bibit cinta antara mereka berdua.

Perhubungan mereka berjalan dengan baik dari hasil bantuan Edah dan Jali. Sehinggalah perkara itu sampai ke pengetahuan ayah Zurinah. Dia menentang keras atas perhubungan mereka itu dan memaksa Zurinah memutuskannya. Lebih jauh dari itu lagi, Zurinah akan diberhentikan dari kampus tempat pengajiannya dan akan dihantar belajar keluar negeri. Di samping itu pula Zurinah akan dijodohkan dengan Seman seorang anak hartawan.

Walaupun dia cuba menentang, akhirnya Zurinah tidak dapat berbuat apa-apa dan terpaksa tunduk dengan kemahuan ayahnya. Dalam keadaan yang tidak mengerti akan kedukaan yang sebenarnya, Zahid ditinggalkan di saat-saat dia sangat memerlukan kehadiran Zurinah.

Kenapakah kehadiran Zurinah sangat diharapkan oleh Zahid di saat-saat genting itu? Apakah Zurinah bersedia untuk berkahwin dengan orang yang tidak dicintainya? Mungkinkah mereka berdua akan dapat bertemu lagi? Untuk jawapannya, para pendengar khususnya kepada peminat-peminat ruangan Sandiwara Radio, dipersilakan untuk mengikuti siarannya pada 8hb. Mei, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah bte. Pg. Tajuddin.

## ISNIN — 9HB MEI

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 15
(Local Fruit and Vegetables)
Siri yang akan dituntun pada minggu ini ialah mengajar nama-nama buah-buahan dan sayur-sayuran dan beberapa perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'O'.
Di Owl Hut, Owl, Bee Bee dan Jay Jay mempunyai lagu 'Fruit and Vegetables'.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 5
(Ikan)
Ikan boleh dibahagikan kepada dua kumpulan.
1. Ikan Air Masin.
2. Ikan Ayer Tawar.
Apakah yang membolehkan ikan boleh timbul atau tenggelam? Untuk mengetahuainya ikutilah nanti rancangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 863.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, MINUM, SI MANIS, BOLA TUMBUK, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.
Tajuk cerita Cikgu Rokiah hari ini ialah "CLUCK".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 863.

## SELASA — 10HB MEI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 864.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, PAK LONG, AMINAH, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

## RABU — 11HB MEI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 15
(Local Fruit and Vegetables)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Ikan)

10.30 KAP KAP UDANG 865.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERSENAM, TUNJUK BENDA, MINUM, KATA SI MANIS, AMINAH, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.
Tajuk cerita Cikgu Rokiah ialah "HISS".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 865.

## KHAMIS — 12HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 866.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, SIRI PERMULAAN, MAIN BAKUL, MINUM, BELON SI MANIS, GAMBAR DARI RUMAH dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 866.

## SABTU — 14HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 867.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, MINUM, AMIN, MAIN KERUSI, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 867.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita dalam ... luar ...) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap ... Jumaat ...) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 9.30 malam | Berita ... BBC ... |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU
### 4HB MEI

**PAGI:** 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang M. Shariff.
**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.
**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Selindang Delima Siri ke-4), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Tafsir Al-Quran, 6.45 — Lagu-lagu Asli.
**MALAM:** 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman, 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

### HARI KHAMIS
### 5HB MEI

**PAGI:** 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.
**TENGAH HARI:** 1.30 — Puspasari/Keroncong.
**PETANG:** 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.
**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

### HARI JUMAAT
### 6HB MEI

**PAGI:** 7.30 — Khidmat Radio, 7.50—Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Ujilah Bahasa Kita, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).
**TENGAH HARI:** 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.
**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Pusparama, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.
**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

### HARI SABTU
### 7HB MEI

**PAGI:** 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30—Hiburan Untuk Adik-Adik.
**TENGAH HARI:** 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.
**PETANG:** 2.00 — Mutika Separuh Akhir '83 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama.
**MALAM:** 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

### HARI AHAD
### 8HB MEI

**PAGI:** 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10,15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.
**TENGAH HARI:** 12.00—Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.30 — Ujilah Bahasa Kita.
**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30—Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.
**MALAM:** 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-lagu Lama).

### HARI ISNIN
### 9HB MEI

**PAGI:** 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 —Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Peermintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.
**TENGAH HARI:** 1.30—Dari Pendengar Untuk Pendengar.
**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), b.15 — Dendang Remaja, 4.30 — R... 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — ...wakili Zamannya, 5.15 — ... 5.45— Kuliah Agama (SU).
**MALAM:** 7.00 — Majalah S... — Hiburan Malam, 8.30 — S...usahaan, 9.00 — Lagu-lagu K... — Ku Tujukan Lagu.

### HARI SELASA
### 10HB MEI

**PAGI:** 8.25—Panduan Wanita ... Perajurit (SU), 9.00 — Den...bangsa, 9.30 — Pilihan Pe... — Lagu-lagu Berirama Da... Rampaian London, 10.45 — ...mintaan Kaum Wanita, 11.15 — ...baran Awda, 11.30 — Sena...
**TENGAH HARI:** 1.30 — S... Lama (SU).
**PETANG:** 2.00 — Ku Sampai... — Gema Silam, 3.30 — U... — Gema Keroncong/Pu... Seni Dan Sastera, 5.00 — ... 5.15—Untuk Awda, 5.45—...
**MALAM:** 7.00—Ruangan K... — Selingan Irama, 8.15 — ...karamai, 9.00 — Kugiran T... 9.45 — Senandung Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00–9.30 | Classical music night with Rory Higgins |

#### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.45 | Stereo Pop Special : "Judie Tzuke" Side 2 |
| 9.30 | Country Club — 39. |

#### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Batttle of Words (Lower Secondary) |
| 11.30 | Children's half hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Yesterday Once More — 18. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 247/267. |
| 1.15 | Book Club : Summer Lightning by P. G. Wodehouse — 8/15. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.45 | International Money Programme. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date |

#### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.30 | Melody Time |
| 8.45 | Just A Minute — 254/261. |
| 9.30 | Top of The Tops — 961. |

#### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Words (Lower Secondary) |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | A Date |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 961. (repeat) |
| 1.30 | Close Down. |

STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | A Feature : Breast Cancer — My Story a personal account of one woman's experience of breast cancer. |
| 8.15 | Beautiful Music — 23/48. |
| 8.30 | English Examined — 61. |
| 8.45 | BBC Science Magazine |
| 9.30 | Drama : "Our Man in Havana"—A comedy spy thriller by Graham Greene — 6/6. |

#### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Profile : Cliff Richard ... Twenty Golden Years ... (1st half). |
| 8.45 | Up The Belait River ... out A Paddle — 95. |
| 9.30 | All That Jazz — 45. |

#### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.30 | In Sentimental Mood — ... |

#### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.32 | Quran and It's transla... |
| 6.40 | Brunei's Am |
| 7.00 | World and Local News ... tide time and Brunei History. |
| 7.15 | Brunei's A.M. (continued) |
| 11.00 | Ladies At Eleven — ex... Fridays and Sundays |
| 12.00 | Lunch Break — except Fri... days and Sundays |
| 12.30 | News and weather re... sidelines and History of Brunei. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.30 | Radio Newsreel (except Sundays) |
| 9.15 | News. |

# STESEN BAS DI KUALA BELAIT DALAM PEMBINAAN

KUALA BELAIT. — Sebuah stesen perhentian bas yang dianggarkan menelan belanja lebih dari sejuta ringgit sekarang sedang dalam pembinaan.

Stesen tersebut adalah dicadangkan bagi menggantikan bangunan lama dan didirikan di tapak yang sama yang terletak di antara Jalan Dato Shahbandar dan Jalan Masjid.

Keseluruhan kerja-kerjanya kini dilakukan oleh pemborong Stephen Liew manakala Jabatan Kerja Raya adalah bertanggungjawab bagi pengawasan dan pengawalan projek tersebut.

Menurut salah seorang jurutera Jabatan Kerja Raya yang terlibat langsung dalam pengawalan kerja-kerja pembinaannya, tempuh yang diuntukkan bagi penyelesaian projek tersebut ialah dalam bulan Oktober tahun ini.

Stesen yang baru itu sengaja direka bukan sahaja bagi menampong keperluan perkhidmatan-perkhidmatan bas di daerah ini tetapi juga untuk menyediakan tempat-tempat perhentian bagi perkhidmatan-perkhidmatan bas dari seluruh daerah di negeri ini.

Bagi mengelakkan kesukaran lalulintas di jalan besar, hala keluar dan masuk dari dan ke stesen tersebut kedua-dua dilakukan melalui belok ke kiri sahaja.

Kedua-dua jalan masuk dan keluar sengaja dilebarkan bagi menjadikan semua bas mudah berligar di kawasan tersebut.

Bagaimanapun oleh kerana stesen yang baru itu nanti akan hanya menampung sebanyak tujuh petak perhentian ianya hanya akan dapat menjadi tempat perhentian bagi memunggah dan menunggu penumpang-penumpang dan bukannya tempat penaruhan.

Lain-lain kemudahan yang akan disediakan termasuklah tempat menyimpan barang-barang penumpang, tempat menjual tiket, bilek penjaga dan tandas awam.




Inilah rekabentuk bagi bangunan stesen perhentian bas yang sedang dalam pembinaan.

## Angka Tunjuk naik lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna untuk bulan Mac ialah 139.8 dan ini adalah 0.1% lebih tinggi dari angka tunjuk bulan yang terdahulu iaitu Feb. 1983. Angka tunjuk bulan ini adalah lebih tinggi sebanyak 3% jika dibandingkan dengan angka tunjuk bulan Mac 1982.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga sayur-sayur akibat keadaan kemarau yang berpanjangan di negeri ini dalam beberapa minggu yang telah lalu. Oleh sebab itu, angka tunjuk kumpulan bagi "Makanan" telah meningkat sebanyak 0.3% sementara angka tunjuk bagi lain-lain kumpulan masih tetap tidak berubah.

Barang-barang yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk bulan ini ialah timun, kacang panjang, terung, kubis putih cina, taugih dan instant coffee. Harga-harga ikan tidaklah sama kedudukannya, ada yang naik dan ada pula yang turun. Bagaimanapun, pada keseluruhannya keadaan harga-harganya adalah lebih mahal sebanyak 0.3% dari bulan yang terdahulu. Kenaikan ini telah diimbangi sedikit oleh kejatuhan harga limau manis yang menyebabkan angka tunjuk kumpulan kecil 'buah-buahan' turun sedikit sebanyak 2%.

## PEMBETULAN

Dalam artikel 'Perusahaan Minyak Semakin Mencabar' di muka 3 — Pelita Brunei Bilangan 16, keluaran 20hb. April 1983 dalam ruangan satu para dua sepatutnya dibaca:-

'Awang Mohd. Zaini Haji Omar, Pegawai Hal Ehwal Masyarakat, Shell Brunei, menambah bahawa dalam masa beberapa tahun akan datang, perusahaan minyak di Brunei semakin begitu mencabar di mana teknik-teknik penghasilan akan menjadi lebih sophisticated walaupun barangkali kadar pengeluaran tidak sebanyak yang kita hasilkan pada masa ini'.

## Jadual lawatan perkhidmatan doktor udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun rancangan lawatan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ke kampung-kampung pendalaman di daerah-daerah Tutong, Belait dan Temburong bagi bulan Mei ini. Rancangan lawatan telah dimulakan 2hb. Mei yang lalu.

Menurut jadual rombongan perubatan itu akan melawat Kampung Bukit pada hari ini, 4hb. Mei.

Pada 9hb. Mei rombongan tersebut akan melawat Kampung Teraja dan Apak-Apak di Daerah Belait dan Kampung Buau, juga di Daerah Belait pada 11hb. Mei.

Rombongan tersebut akan berada di dua buah kampung di Daerah Tutong iaitu di Kampung Benutan pada 16hb. Mei dan Kampung Mapol pada 17hb. Mei.

Pada 18hb. Mei, rombongan tersebut akan berada di Kampung Lopat, Temburong dan Kampung Biang Menengah dan Lamaling pada 23hb. Mei.

Rombongan tersebut akan berada di Kampung Panchong pada 24hb. Mei dan Ukong pada 25hb. Mei.

Rombongan tersebut akan mengakhiri jadual lawatan bulan Mei ini dengan mengadakan lawatan ke Kampung Sukang, Belait pada 30hb. Mei.

## Pemeriksaan alat2 sukatan

TEMBURONG. — Kakitangan dari Bahagian Sukatan dan Timbangan Jabatan Setiausaha Kerajaan akan berada di Temburong selama dua hari untuk menjalankan pemeriksaan ke atas alat-alat sukatan dan timbangan.

Mereka akan menjalankan pemeriksaan bulanan itu pada 18hb dan 19hb. Mei.

Orang ramai yang mempunyai alat-alat sukatan dan timbangan yang belum lagi diperiksa adalah dikehendaki membawa alat-alat tersebut pada masa yang ditetapkan.



## Pulang dari hadiri Jambori

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan Pengakap Negeri Brunei seramai enam orang telah kembali ke tanahair pada 20hb. April lepas setelah menghadiri Jambori Kebangsaan ketujuh di Lamon, Goa, Camarines Sur-Filipina. Rombongan Brunei diketuai oleh Awang Abd. Hadis bin Tarip.

Hampir 10,000 orang pengakap; termasuk peserta-peserta dari luar negeri, iaitu dari Pakistan, Singapura, Jepun, Thailand, Amerika, Republik Rakyat China dan Brunei, menyertai Jambori selama seminggu itu.

Menurut Ketua Rombongan Pengakap Negeri Brunei, Awang Abd. Hadis antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah latihan menguji kecekapan para pengakap bagi mendapatkan anugerah Lord Baden Powell, dalam mana kesemua peserta-peserta dari Brunei memperolehi anugerah tersebut.

Peserta kita juga tidak ketinggalan, katanya, mengikuti setiap aktiviti yang telah diaturkan umpamanya memperkenalkan Pakaian Kebangsaan Negeri Brunei iaitu pakaian cara Melayu dan sementara itu di sebelah malamnya diadakan pula malam kebudayaan dan sekali lagi peserta Brunei turut serta mengambil bahagian dengan mempersembahkan satu tarian zapin.

Di samping itu pasukan Pengakap Negeri Brunei telah diberi penghormatan oleh peserrta-peserta dari seberang laut bagi menyampaikan ucapan selaku wakil ahli-ahli jawatankuasa kecil perkemahan di majlis penutup jambori pada hari itu.

Awang Abd. Hadis memberitahu bahawa Persekutuan Pengakap Negeri Brunei berasa bangga kerana dapat menghadiri jambori tersebut walaupun rombongan kita sangat kecil bilangannya tetapi peserta kita telah menunjukkan performance yang baik dan menggalakkan semasa berada di sana.

## Ketetapan harga barang2 keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 6hb. April, 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. SOTONG KERING: $14.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOP HOCK HUAT NO 62 JALAN MCARTHUR.
2. SAYUR PUCUK: $4.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOP HOCK HUAT NO 62 JALAN MCARTHUR.
   2. CHAI HUAT TRADING NO B2 JALAN ROBERTS.
3. ASAM JAWA (CAP SINGA): $0.50 - sekotak boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. KIM SENG CHOON No 91 JALAN PEMANCA

**KUALA BELAIT**

1. SOTONG KERING: $16.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOP YEE SENG, NO 46 JALAN PRETTY.
   2. CHIN FATT, NO 64 JALAN PRETTY.
2. SAYUR PUCUK: $3.75 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOO SENG, NO 20, JALAN SUNGAI.
3. ASAM JAWA (CAP SINGA): $0.50 - sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOO SENG, NO 20, JALAN SUNGAI.

**SERIA**

1. SOTONG KERING: $15.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. SOON KHENG, NO 50 B, JLN BUNGA KUNING
   2. HJ. C.A. MOHAMMAD & SONS, NO: 51, JALAN BUNGA KUNING
2. SAYUR PUCUK: $4.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOP POH SING, NO 6, JALAN BUNGA KUNING.
3. ASAM JAWA (CAP SINGA): $0.50 - sekotak boleh dibeli dari kedai berikut:—
   1. CHOOP HENG, NO 30, JALAN SULTAN OMAR ALI.
   2. YICK FATT, LOT NO. 2660, JALAN SULTAN OMAR ALI.

# SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

## PINGPONG PERCETAKAN BERAKHIR

BADAN Kebajikan Jabatan Percetakan telah mengadakan perlawanan pingpong bagi kakitangannya buat kali pertama.

Pertandingan akhir telah berlangsung pada 23hb. April lepas di bangunan baru jabatan tersebut dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Percetakan Awang Haji Mohd. Yunos bin Hj. Md. Hussien.

Sebanyak tiga perlawanan dipertandingkan di hari tersebut iaitu perlawanan antara bahagian bagi merebut hadiah rebutan Pengarah Percetakan.

Perlawanan bergu bagi merebut hadiah sumbangan Star Trading and Printing serta perseorangan lelaki bagi hadiah Capital Trading and Printing.

## Badminton anjuran PERKOTA

BORANG-borang untuk menyertai perlawanan badminton anjuran Kelab Bulutangkis Perkota boleh didapati sekarang bagi penyertaan mereka yang tinggal di sepanjang jalan Kota Batu iaitu dari Kg. Pintu Malim hingga ke Kg. Mentiri.

Mereka yang berminat bolehlah mendapatkan dari Awang Mariat Abdullah, Kg. Kota Batu; Awang Haji Kilali bin Hj. Abd. Rahman, Kg. Pintu Malim; Awang Haron Hj. Ismail, Kg. Sungai Belukut dan Awang Latif Hj. Abu Bakar Kg. Kota Batu.

Borang tersebut hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 7hb. Mei bersama dengan bayaran masuk sekali.

Perlawanan yang menjadi projek tahunan kelab tersebut adalah bagi merebut piala sumbangan Awang Haji Kilali Hj. Abd. Rahman yang terbuka kepada bahagian perseorangan dan bergu.

Sistem perlawanan akan dijalankan secara kalah mati (tertakluk kepada perubahan) dan akan diadakan di Dewan S.M. Pintu Malim. Pemain-pemain kebangsaan yang pernah mewakili negeri dikecualikan dari menyertainya. Undian perlawanan akan dijalankan di dewan sekolah tersebut pada 9hb. Mei dan perlawanan akan berlangsung pada 10hb. Mei depan.



**MENEMBAK dengan menggunakan senjata berat merupakan salah satu acara perlawanan yang dipertandingkan.**

# ASKAR WANITA AMDB BOLOT PIALA KOLONEL KOMANDAN

PASUKAN Askar Wanita, Askar Melayu Diraja Brunei berjaya membolot Piala Kolonel Komandan kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang telah dipertandingkan selama tiga hari bermula 29hb. April hingga 1hb. Mei lepas.

Kejohanan olahraga dan menembak bagi kedua pasukan wanita Pulis dan Askar tersebut merupakan julung kalinya diadakan untuk menjadi temasya tahunan kedua pasukan.

Dari sembilan acara yang dipertandingkan, Askar Wanita memenangi dalam acara-acara menembak, badminton, bola jaring dan tarik kalat manakala kedua pasukan menjuarai bersama dalam acara lari berhalangan.

Pasukan Pulis Wanita pula membolot kemenangan dalam acara berenang, bola tampar, lari berganti-ganti 4 x 100 meter dan 4 x 400 meter.

Keseluruhannya pasukan Askar Wantia menjadi johan dengan hitungan mata 9-7.

Kedua pasukan juga berkesempatan menunjukkan kawad baris berjalan lalu serta yang lainnya di mana barisan Askar Wanita diketuai oleh L/Koperal Hidayati bte POKLW Dato Paduka Awang Haji Salleh dan Pulis Wanita diketuai oleh Pemangku Koperal Hajjah Mariam bte Hj. Sulaiman.

Kejohanan yang hampir kesemuanya diadakan di Stadium Hassanal Bolkiah itu melibatkan kira-kira 170 orang peserta dari kedua buah pasukan.



**PASUKAN Askar Wanita ini memperlihatkan kecekapan berkawat mereka di kejohanan tersebut.**

## Jalankaki anjuran BISTARI dan BAFA

BADAN Isteri Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan ... dengan gabungan Persatuan Amatur ... Brunei (BAFA) akan menganjurkan satu acara ... 8hb. Mei ini.

Ianya akan bermula di bangunan Jabatan ... jaan sehingga ke Pantai Tungku, Gadong ... batu. Ini adalah merupakan projek yang ... dikendalikan bersama oleh BISTARI dan BAFA.

Hasil kutipan dari perlumbaan itu ... tabung kebajikan pemain-pemain kebangsaan ... tabung pentadbiran BISTARI.

Hadiah berupa tikit percuma ke Singapura ... diberikan kepada 'pengutip terbanyak' dan ... jalankaki pertama, kedua dan ketiga di ... lelaki dan perempuan.

Juga hadiah kenang-kenangan diberikan ... pemain kebangsaan yang mewakili negeri ... Malaysia.

## Serta kejohanan catur di Malaysia

SEROMBONG ... orang pemain ... Persatuan ... Brunei yang ... Naib Yang Dipertuan tersebut ... Pengiran Seri ... Hj. Ismail ... Mohammad ... tai kejohanan ... pasukan Malaysia ...

Kejohanan ... diadakan ... hingga 21hb. ... Kuching ... keempat ... berlangsung ... kali pertama ... put oleh ... Malaysia ... Kementerian ... Belia dan ... Sarawak.

Pemain-pemain ... terdiri ... Muhammad ... Mohd. ... Halim, Ak. ... bin PLW ... Ak. Omar ... dan Ak. ... Jaafar.

Pemain Brunei ... kejohanan ... Muhammad ... kebangsaan ... Asrolmohidin ... Piala Anzi ... pernah kalah ... perlawanan ...

Sebanyak ... negeri telah ... bahagian ... Sabah, Sarawak ... ganu, Kelantan ...

Sementara ... tersebut ... bahawa ... akan berlangsung ... sidangan ... pada 6hb. Mei ... dengan ... hadiah ... pemenang ... catur remaja ...

## Shell Brunei beri sumbangan majukan sukan

PERANAN Syarikat Minyak Shell Brunei dalam memberikan sumbangan dan kerjasama ke atas memaju dan mengembangkan bidang sukan dan olahraga di negeri ini tidak perlu dipertikaikan lagi.

Berbagai usaha dalam menyokong hasrat kerajaan telah diperlakukan. Setakat ini syarikat-syarikat gabungan Brunei Shell dalam mengembangkan kegiatan-kegiatan dan meningkatkan taraf sukan telah menyumbangkan sejumlah $54,000 sehingga akhir tahun lepas.

Sumbangan sebanyak ini diamanahkan kepada Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan bagi mendatangkan jurulatih-jurulatih berkelayakan dan diiktirafkan bagi acara sukan renang, olahraga dan bulutangkis.

Pada masa ini jabatan tersebut dengan kerjasama Shell Brunei telah berupaya mendatangkan dan mendapatkan tenaga jurulatih dari Jepun, Awang Hiro Ichikawa bagi melatih dalam bidang olahraga.

Dalam sedikit masa nanti Brunei juga akan mempunyai jurulatih dalam bidang-bidang tertentu kerana jabatan ini juga sedang berusaha untuk mendatangkan jurulatih-jurulatih profesional dari Korea, Indonesia dan Malaysia.

"Sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak Shell Brunei ini setentunya merupakan satu langkah positif dan berkesan dalam usaha meninggikan mutu ahli-ahli sukan negara melalui latihan-latihan formal yang diberikan oleh jurulatih-jurulatih profesional itu," tegas Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien.

Selain bantuan sejumlah $54,000 itu, pihak Shell Brunei juga memberikan bantuan tahunan sejumlah $20,000 juga khusus bagi kegiatan-kegiatan sukan di seluruh negeri.

Dalam hubungan ini juga Majlis Belia-Belia Negeri Brunei (MBB) telah mendapat bantuan tahunan berjumlah $3,000 dari Shell Brunei dan bantuan kepada persatuan-persatuan belia atau sukan tempatan.

Peranan Shell Brunei setakat ini cukup jelas dan salah satu usaha daripadanya ialah dalam bidang bolasepak. Umpamanya perlawanan bolasepak belia-belia antara daerah (Liga Shell) adalah tajaan Shell Brunei dan hasilnya sebilangan pemain kebangsaan yang ada sekarang adalah bakat-bakat yang dipetik dari kejohanan tersebut.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I: (Jabatan Kerja Raya).

F. 4-5 EB6 — $490-$620 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya empat tahun perkhidmatan yang diakui sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II.
b) Mestilah mempunyai pengetahuan yang luas terhadap perayeran Pelabohan Muara dan Sungai Brunei serta Sungai Temburong.
c) Mestilah lulus satu Peperiksaan Ujian Kecekapan yang akan diadakan bagi Pemandu Motor Sangkut Tingkat I.

2. A. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II: (Jabatan Kerja Raya)

F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

B. PEMANDU MOTOR SANGKUT: (Pejabat Tanah bagi Daerah Temburong).

F. 2-3-4 TB. 5 — $390-$560 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan telah tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.
b) Pemohon-pemohon mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon-pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang dari 220 ela cara bebas.
c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya selama dua tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Selaku Pemandu Motor Sangkut yang terlibat di dalam pengangkutan penumpang dan barang-barang; pengiriman surat atau terlibat di dalam perkhidmatan memandu atau lain-lain tugas. Calon-calon mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar-luar masa bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir. Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana sahaja di dalam negeri.

3. PEMANDU OUTBOARD: (Pejabat Daerah Belait).

F. 2-3-4 EB. 5 — $390-$560 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun.
b) Mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mengetahui alam sekitar dan selok-belok Sungai Belait.
c) Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
d) Mempunyai pengetahuan membaiki kerosakan-kerosakan kecil enjin Motor Sangkut 40 kuda (H.P.)
e) Mengetahui kedudukan kampung-kampung pendalaman satu kelebihan.

Am :

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas dan bermalam di kampung-kampung pendalaman Ulu Belait Belait.

4. PEMANDU OUTBOARD: (Jabatan Perikanan).

F. 2-3-4-5 EB. 6 — $390-$620 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman memandu outboard selama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakkan-kerosakkan kecil bagi jentera outboard.

Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki memandu perahu-perahu berjentera Jabatan dan juga bertanggungjawab dalam pemeliharaan harian ke atas perahu-perahu dan injin-injin dan mestilah bersedia menjalankan tugas-tugas di luar waktu-waktu bekerja.

5. OPERETER (TELEFON): (Askar Melayu Diraja Brunei).

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan Sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam negeri.

6. PEMBANTU BENGKEL-BENGKEL: (Askar Melayu Diraja Brunei).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran.
b) Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
c) Mempunyai pengalaman dalam Metalwork atau Woodwork sekurang-kurangnya 3 tahun.
d) Calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

Am :

Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di Bengkel Pusat Pengajian, Bolkiah Kem.

7. TUKANG PELAN: (Jabatan Telekom).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
b) Empat tahun pengalaman dalam hal ehwal melukis pelan di Jabatan-jabatan Kerajaan atau Pejabat-pejabat Arkitek/Jurutera.
c) Mestilah terdiri dari seorang Tukang Pelan yang kemas, teliti dan pantas, serta boleh menyeliakan pelan yang lengkap bagi kerjaya kejuruteraan telekom.
d) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam hal ehwal melukis pelan.

8. KETUA PEMBANTU TEKNIK: (Jabatan Pertanian).

C. 3-4 EB. 5 — $1735-$2580 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya pemegang Higher National Diploma yang diiktiraf atau yang sebanding dengannya dalam bidang Kejuruteraan Pertanian atau Mekanik.

ATAU

Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah memegang jawatan Pembantu Teknik Kanan atau sebanding dengannya tidak kurang dari 6 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam hal-hal kerja pemeliharaan mesin atau jentera serta berkebolehan yang istimewa dalam melaksanakan tugas-tugas mereka akan juga dipertimbangkan. Pengalaman praktikal yang luas mengenai kawalan kakitangan adalah merupakan satu kelebihan.

9. PEMBANTU HAIWAN: (Jabatan Pertanian).

D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Telah memperolehi latihan dibidang teknik kehaiwanan dan juga pengendalian binatang-binatang ternakan di Maktab yang diiktiraf. Kelulusan dalam sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran yang satu daripada mata pelajaran Sains (peringkat 'O' level) serta fasih dan mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris adalah satu kelebihan.

Berkhidmat tidak kurang dari 4 tahun di Klinik Haiwan dan mempunyai pengalaman dalam pengendalian binatang-binatang ternakan.

10. PEMBANTU TEKNIK KANAN: (Jabatan Pertanian).

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon dijangka hendaklah mempunyai sesuatu kelulusan teknikal yang sebanding dengan kelulusan kejuruteraan pertanian atau bidang yang sama di peringkat Diploma Kebangsaan Biasa (OND). Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai tidak kurang lima tahun pengalaman yang luas dalam bidang mekanik dan boleh memperbaiki alat-alat jentera dan kenderaan pertanian tanpa pengawasan boleh juga dipertimbangkan.

11. PEMERIKSA LUAR PERTANIAN: (Jabatan Pertanian).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab atau pelajaran Sain.
b) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Jabatan Pertanian sebagai Pegawai Pengembangan bergaji hari selama tidak kurang dari 3 tahun dan pernah menghadiri kursus-kursus pertanian dalam perkhidmatan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan juga dipertimbangkan.
c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

12. PEMBANTU PRTANIAN RENDAH: (Jabatan Pertanian).

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab atau pelajaran Sain. Mereka yang mempunyai Sijil Pertanian daripada Yayasan Pertanian yang diiktiraf adalah satu kelebihan.
b) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Jabatan Pertanian sebagai Pegawai Pengembangan bergaji hari selama tidak kurang dari 3 tahun dan pernah menghadiri kursus-kursus pertanian dalam perkhidmatan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan juga dipertimbangkan.
c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 12hb Mei, 1983.

(E/1469/81) (Bilangan: 80/1983)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN2 LETRIK

### TAWARAN BIL. 50/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari Isnin, 30hb Mei, 1983 membekal dan menyerahkan barang-barang berikut untuk Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik Stor Gadong:—

PEMBEKALAN UNTUK 4 RING ELECTRIC COOKERS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $300.00.

### TAWARAN BIL. 51/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK PEJABAT STOR, PIT DAN BILIK IBADAT BAGI BALAI BOMBA SERIA"

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

### TAWARAN BIL. 52/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK 2 BLOK, CLASS 'F' QUARTERS BAGI JABATAN PELAJARAN BERTEMPAT DI SEKOLAH MELAYU LABI, DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

### TAWARAN BIL. 53/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK 1 BLOK, CLASS 'F' FLAT BAGI SEKOLAH MELAYU SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

### TAWARAN BIL. 54/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN LETRIK UNTUK 1 BLOK, CLASS 'F' FLAT BAGI GURU-GURU DI SEKOLAH MELAYU LUMUT, DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

## NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL: (2) 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi mencetak buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei

1. Penentuan-pentuan (specifications) mengenai buku-buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada masa-masa bekerja.
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sampul surat hendaklah dibubuh perkataan-perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP, BIL.: (2) 1982.
3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai Kewangan Negara, di Tingkat Bawah Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada:

   Pengerusi
   Lembaga Tawaran,
   d/a
   Jabatan Perbendaharaan,
   Bandar Seri Begawan,
   Brunei

   tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 30hb Mei 1983.
4. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

### BIL. 165 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN PADANG PERMAINAN BAGI S.M. ARAB RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT DI JALAN TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 166 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBEKAL DAN MEMASANG RAWA NYAMOK DAN GRILLE KESELAMATAN DI PENJARA JERUDONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 167 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA DENGAN LENGKAP AUDITORIUM DAN ASRAMA PUSAT LATIHAN TEKNIKAL BRUNEI YANG ADA DI BATU 5, JALAN MUARA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 168 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA MEMBAIKI AM DAN MENCAT SEMUA BANGUNAN LAPAU DAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 169 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dari Pembekal Alat-alat Audio Visual untuk:

MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN KOMISEN BAGI ALAT-ALAT AUDIO VISUAL BAGI PUSAT PERTUKANGAN DAN KESENIAN DI JALAN RESIDENCY, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Block A-3, 1st Floor, Chempaka Shopping Complex, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 170 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN KANTIN BAGI SEKOLAH MELAYU PUNI, SEKOLAH MELAYU AMO DAN SEKOLAH MELAYU SELANGAN, TEMBURONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran Tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 171 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA MEMBAIKI AM DAN MEMBAHARUI SEMULA SEPENUHNYA 6 UNIT RUMAH PANGSA 3 TINGKAT UNTUK ASRAMA PENGETUA JURURAWAT DAN 6 UNIT ASRAMA LELAKI DI JALAN SUMBILING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 172 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN 4 BILIK DARJAH TAMBAHAN BAGI S.M. TELISAI, TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran Tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 173 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN KLINIK RIVERLINE DI KAMPUNG PUDAK, BRUNEI."

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 174 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN SATU BLOK BILIK LUKISAN DAN ILMU-HISAB BAGI SEKOLAH INGGERIS BERAKAS, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 175 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN BILIK PLANT A/C DI JABATAN PERIKANAN, TUGU PERINGATAN CHURCHILL, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 176 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN TWIN R.C. BOX CULVERT, DINDING PENAHAN GABION DAN PARIT R.C. DI JALAN MABOHAI/JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 177 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Specialist untuk:

PROJEK: "MEMBEKAL DAN MEMASANG GRAPHICS/SIGN BAGI ARMOURED RECONNAISSANCE SQUADRON PENANJONG CANTONMENT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di SAA Partnership Architect, Unit 1, Block E, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 9hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 178 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN 2 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN 1 BLOK KELAS 'F' DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12hb Mei 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 179 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'AX' dan ke atas untuk

PROJEK: "PEMBINAAN 2 BLOK KE- ESTET PERUMAHAN POLIS LAPAN- BANG, JALAN MUARA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (luki-

### BIL. 180 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI R.C. ROOF S- WATER DOWN PIPES DAN PEMASAN- GUTTER BAGI MAKTAB LATIHAN P- UGAMA SERI BEGAWAN, BANGUNAN TAKAAN, BATU 1½, JALAN TUTONG SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 181 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENGU- RUMAH KELAB RIA KUALA BELAI-

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bole- didapati di Peter Robinson & Associates, SIA Rambai, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang 26hb Mei, 1983. Tarikh tutup: 30hb Me-

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 182 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PENYAMBONGAN BETUN- BAGI BANGUNAN-BANGUNAN (TANDAS AWAM, BARIK-BARIK DSB), BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (luk-

### BIL. 183 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas "A" untuk

PROJEK: "CADANGAN JAMBATAN R- BERANGI SUNGAI TUTONG (JAMB- JALAN PENAPAR/TANJONG MAYA BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (luk-

### BIL. 184 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN JETTY BARU ROCK, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (luk-

### BIL. 185 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "TAMBAHAN JABATAN PER- KERAJAAN (PERINGKAT IV) DI L- TERBANG LAMA, BANDAR SERI B- BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (luk-

### BIL. 186 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN BANGSAL PER- TUK MUZIUM DI KOTA BATU, BRU-

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (un-

### BIL. 187 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem- borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: MEMBAHARUI BANGUNAN SEN KUASA (POWER STATION) YAN- KARANG DI GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ja- hari Khamis 12hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 16hb Mei, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

...OHONAN-permohonan ...di pelawa daripada ca-...lon yang terdiri dari ...Duli Yang Maha Mu-...duka Seri Baginda Sul-...an Yang Dipertuan Ne-...unei untuk memenuhi ...jawatan kosong yang ...di dalam Perkhidmat-...rajaan Brunei.

...ENGHANTAR ...ELEGRAM:
...batan Telekom).
...3-4-5 EB. 6—$350-620
...

...elayakan-kelayakan dan ...Pengalaman:

...emohon-pemohon mesti-...lah lulus sekurang-kurang-...nya Tingkatan I atau se-...banding dengannya.
...emohon-pemohon mesti-...lah mempunyai lesen me-...mandu Kelas III atau ...lesen motorsikal.

...Tugas-tugas:
...Calon-calon yang berjaya ...mestilah bersedia untuk ber-...tugas di mana-mana sahaja ...dalam negeri.

...EMANDU ...TINGKAT I-...(Jabatan Laut).
...3-4 EB. 5—$430-$560
...

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di dakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam negeri.

3. PEMBANTU BILIK GELAP:

(Askar Melayu Diraja Brunei),

D. 1-2 EB. 3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**

a) Lulus Tingkatan II.
b) Mempunyai sekurang-kurang 2 tahun pengetahuan bekerja di bilik mencuci filem.
c) Mempunyai pemahaman penuh mengenai percetakan dan memproses alat-alat gambar hitam-puteh.
d) Berkebolehan memproses filem-filem (Transparency Films).

4. PEGAWAI BALAI:

(Jabatan Pasukan Bomba)

P. 6 — $885-$1455 sebulan.

Elaun 'P' sebanyak $100.00 sebulan. Sekiranya seseorang calon yang berjaya itu ialah Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaii permulaannya akan dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Kelayakan-kelayakan:**

a) Umur di antara 18 hingga 26 tahun.
b) Tinggi — sekurang-kurangnya 5' "4.
c) Dada — sekurang-kurangnya 34" bila dikempiskan.
d) Lulus Tinggatan V dalam Aliran Inggeris dan Darjah IV Melayu atau kelulusan yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang lulus dalam mata pelajaran Sain dan Ilmu Hisab.

**Kesihatan:**

Pemohon-pemohon mestilah berbadan tegap dan sihat dan dikehendaki lulus ujian kekuatan seperti yang di kehendaki dalam Pasukan Bomba.

**Latihan:**

Calon-calon yang berjaya mestilah melayakan diri untuk Kursus latihan Pegawai-Pegawai yang akan diadakan di dalam negeri dan mungkin di kehendaki menjalani latihan di seberang laut.

**Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya apabila dilantik akan dikehendaki menjalankan tugas di mana-mana Balai Bomba di dalam negeri.

5. JURUTAIP: (Jabatan Radio Televisyen).

D.1-2-3 EB.4-5—$425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 tahun hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Boleh menaip sekurang-kurangnya 40 perkataan seminit.

**'Amnya:**

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam negeri.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permoh o n a n mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 16hb Mei, 1983.

(E/71/80)
(Bil: 85/1983)

## PENGANUGERAHAN DERMASISWA BANK KEBANGSAAN BRUNEI BERHAD 1983-84

...HON-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah ini adalah di-...us bagi dipertimbangkan untuk mendapatkan sokongan bagi mengikuti kursus-kursus ...berkenaan dengan Penganugerahan Dermasiswa Bank Kebangsaan Brunei Berhad mulai ...1983-84.

Kelayakan:

1. Pemohon-pemohon mestilah: —
(a) Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.
(b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Lanjutan/General Certificate of Education Advanced Level serta 4 kepujian (credit) Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Biasa/General Certificate of Education Ordinary Level yang dikumpulkan dalam 2 tahun peperiksaan berturut-turut dengan tertakluk kepada syarat-syarat penerimaan tempat-tempat yang dipohonkan.
(c) Memperolehi kepujian (credit) Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Biasa.

2. Keutamaan adalah diberikan kepada pemohon-pemohon yang memperolehi kepujian (credit) Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran pada Peringkat Biasa.

3. Pemohon-pemohon yang berjaya dipertimbangkan mestilah juga lulus Ujian Lisan Bahasa Melayu yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Kecil Ujian Lisan Bahasa Melayu serta disahkan sihat oleh Pegawai Perubatan dan bersih dalam Tapisan Keselamatan.

Elaun serta lain-lain kemudahan:

Elaun-elaun adalah ditanggung keseluruhannya oleh Bank Kebangsaan Brunei Berhad ...kadarnya adalah mengikut Dermasiswa Kerajaan Brunei. Antara elaun-elaun ...yang diberikan termasuk elaun sarahidup, pakaian, perjalanan, buku serta tambang ...pergi balik 2 tahun sekali.

Borang permohonan dan lain-lain keterangan:

Borang-borang permohonan serta lain-lain keterangan boleh diperolehi daripada Setiausaha Jawatankuasa Dermasiswa, Unit Dermasiswa dan Kebajikan, Ibu Pejabat Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei dan borang-borang yang lengkap diisikan mestilah diserahkan sebelum 21hb Mei, 1983. Pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan atau Sektor Swasta hendaklah menghadapkan permohonan melalui Ketua Jabatan/Majikan masing-masing. Laporan Sulit dan Catatan Perkhidmatan permohonan hendaklah disediakan dan dilampirkan bersama.

Jenis-jenis kursus yang ditawarkan:

| Jenis Kursus | Antara MataMata Pelajadan Yang Diperlukan |
|---|---|
| Association of Certified Accountants | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |
| B.A. Accountancy and Computer Science | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| B.A. Accountancy and Finance | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| B.Sc Accounting and Financial Management | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| B.A. in Banking, Insurance and Finance | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| B.A. Banking Finance | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan termasuk mathematics. |
| Institute of Bankers | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |
| Institute of Chartered Accountants in England and Wales | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |
| Institute of Cost and Management Accountants | 2 Mata pelajaran pada peringkat lanjutan yang berkaitan. |

Permohonan-permohonan mestilah dihantar di dalam DUA salinan borang dan hendaklah dikembalikan ke pejabat termaklum pada tarikh yang dinyatakan di para IV. ...Sebarang permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan diberi layanan. ...Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat untuk dipertimbangkan akan di-...temuduga pada suatu masa yang ditetapkan kemudian.

## KURSUS-KURSUS DI PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN, BRUNEI

PEMOHON-pemohon adalah dipelawa untuk mengikuti kursus-kursus yang tersebut di bawah di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka yang mempunyai kelayakan dan syarat-syarat di bawah ini akan dipertimbangkan:

(1) KURSUS TENUNAN — (PEREMPUAN)
(2) KURSUS PERTUKANGAN PERAK — (LELAKI/PEREMPUAN)
(3) KURSUS PERTUKANGAN TEMBAGA — (LELAKI)
(4) KURSUS ANYAMAN/SONGKOK — (PEREMPUAN)
(5) PELATIH SENI UKIR — (LELAKI)

**Kelayakan-kelayakan:**

(i) Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Darjah VII Melayu atau yang sebanding dengannya.
(ii) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata-mata pelajaran Ilmu Hisab dan Lukisan.

**Syarat-syarat:**

(a) Hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.
(b) Hendaklah berumur di antara 17 hingga 30 tahun dan masih bujang.
(c) Pemohon-pemohon yang dipertimbangkan akan dipilih menerusi satu temuduga.
(d) Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah terlebih dahulu lulus peperiksaan doktor.
(e) Satu perjanjian bertulis akan dikenakan kepada setiap pemohon yang berjaya mengikuti kursus ini.
(f) i) Pemohon yang terpilih akan dikehendaki mengikuti latihan penuh selama dua tahun, dalam masa ini pelatih-pelatih tidak dibenarkan berkahwin dan
ii) Selepas itu peserta kursus akan dikehendaki mengikuti kursus kemahiran selama satu tahun lagi, menjadikan tiga (3) tahun semuanya. Dalam masa kursus tahun ketiga pelatih-pelatih akan diberi kelonggaran untuk berkahwin.
(g) Apabila mendapat kemahiran pelatih-pelatih akan dikehendaki menjadikan pertukangan ini sebagai salah satu mata pencarian mereka.

**Elaun dan Lain-lain Kemudahan:**

(a) i) Semasa dalam latihan selama dua (2) tahun pelatih-pelatih akan diberi elaun sebanyak $290.00 sebulan serta 10 peratus net profit daripada hasil-hasil pertukangan mereka.
ii) Bagi pelatih-pelatih tahun ketiga mereka akan diberi elaun yang sama sebanyak $290.00 sebulan, tetapi dibayar 50 peratus net profit daripada hasil pertukangan yang diusahakan dalam masa tambahan ini.
(b) Tempat tinggal, kenderaan dan lain-lain lagi tidak disediakan kepada pemohon-pemohon yang berjaya.

**Borang Permohonan:**

Permohonan-permohonan hendaklah dibuat dalam borang yang boleh didapati dari Pejabat Muzium, Kota Batu, Brunei pada bila-bila masa pejabat dibuka dan hendaklah dikembalikan dan sampai kepada Pengarah Muzium-Muzium, Brunei selewat-selewatnya pada 31hb Mei, 1983.

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI KERJA-KERJA KECIL (MINOR WORKS) 1983

PEMBORONG-pemborong tempatan adalah dipelawa untuk mendaftar di Jabatan Radio Televisyen Brunei bagi mengendalikan kerja-kerja kecil 1983. Pendaftaran bolehlah dibuat di Tingkat Satu (Bangunan Lama) Bahagian Pentadbiran semasa waktu pejabat dibuka. Pemborong-pemborong juga adalah dikehendaki membawa bersama satu surat permohonan dan satu salinan Sijil Pendaftaran (Certificate of Registration).

Keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan kerja-kerja kecil ini bolehlah didapati daripada Jabatan Radio Televisyen Brunei.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following poultry foodstuffs to the Department of Agriculture for a period of one (1) year: —

1) Starter (chicks) (Mash or Crumbles) — 10 tons and upwards
2) Growers — Pellets — 10 tons and upwards
3) Layers (complete) (Pellets or Mash) — 20 tons and upwards
4) Broiler (starter) (Pellets or Mash) — 10 tons and upwards
5) Broiler (Finish) (Pellets or Mash) — 20 tons and upwards

All feeds should be fresh, of good quality, free of contaninants and confirm to the analysis given below. Feed should be packed in 40 or 50kg. bags, new and of good quality. Tenders must be prepared to supply in boxed 5 tons on request and deliver to the Sinaut Agric. Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong, Mentiri Station, Luahan Project, Jerudong.

FEED ANALYSIS

FEED QUALITY OR NUTRITIVE VALUE OF FEED

| Analysis | Starters (chicks) | Grower | Layer (complete) | Broiler (Start) | Broiler (Finish) |
|---|---|---|---|---|---|
| Moisture | 12–13 | 12–13 | 12–13 | 12–13 | 12–13 |
| C. Protein | 20% | 16% | 16% | 22% | 20% |
| C. Fat | 5% | 5% | 5% | 7–8% | 7–8% |
| C. Fibre | 5% | 5% | 5–6% | 3.5% | 3.5% |
| Lysin | 1.0 | 0.8 | 0.7 | 1.2 | 1.0 |
| Metrionine | 0.45 | 0.32 | 0.28 | 0.50 | 0.45 |
| Tryptophan | 0.2 | 0.16 | 0.11 | 0.25 | 0.20 |
| Ash | 8% | 10% | 14% | 8% | 8% |
| Ca | 1 | 1 | 2.3.5 | 1 | 1 |
| P. | 0.7 | 0.6 | 0.8 | 0.8 | 0.7 |

Tender should be submitted in a sealed envelope marked Confidential—"DEPARTMENT OF AGRICULTURE POULTRY FEEDS" to the Chairman, Brunei Tenders Board at the office of the State Financial Officer Ground Floor of the State Secretariat, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 30th May 1983.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWAR

## TENDER NOTICE
## JERUDONG PARK

TENDERS are invited for the supply of the following vehicles to Jerudong Park:

1) 3 Nos Flat Bed Pick Up
 a) Four cylinder petrol engine, not less than 1500 cc
 b) Dropside body.

2) 4 Nos Landcruiser Station Wagon
 a) Six cylinder petrol engine, not less than 4000 cc
 b) Long wheel base
 c) Four wheel drive
 c) Four wheel drive
 d) Fitted with airconditioner.

3) 2 Nos 28 Seater Bus
 a) Four cylinder petrol engine, piston displacement to be not less than 1900 cc
 b) 28 Seating capacity
 c) The bus must be factory built.

4) 2 Nos Water Tanker 4 x 4
 a) Six cylinder Diesel engine, piston displacement to be not less than 6000 cc
 b) To be fitted with water pumps
 c) Four wheel drive
 d) The tanker must be factory built
 e) Complete with accessories
 f) Water capacity 1600 gals.

5) 4 Nos. 7-ton Tipper Truck
 a) Six cylinder Diesel engine not less than 6000 cc
 b) Minimum payload 7 tons and with gross vehicle weight to be not less than 12 tons.
 c) All steel heavy duty rear dumps tipper body.
 d) Factory fitted
 e) Fitter with airconditioner.

6) 1 No. 10-ton truck fitted wiht HIAB Crane.
 a) Minimum payload 10 tons with gross vehicle weight not less than 15 tons.
 b) HIAB Crane not less than 3 tons
 c) Six cylinder Diesel engine
 d) The HIAB Crane must be factory fitted.

7) 2 Nos. 3-Way Tipper Truck
 a) 4 cylinder diesel engine not less than 2900 cc.
 b) Vehicle weight 2300 Kg and gross vehicle weight not less than 4400 Kg.
 c) All steel heavy duty rear dumps tipper body
 d) Factory fitted.

8) 4 Nos. Light Truck
 a) 4 cylinder petrol engine not less than 1900 cc
 b) Dual tyres (rear)
 c) Three side opening
 d) Gross vehicle weight not less than 4450 Kg.
 e) Complete body building from factory.

9) 1 No. Fork Lift
 a) 4 cylinder diesel engine not less than 3900 cc
 b) Power steering
 c) Load capacity 3000 Kg.
 d) Load centre 500mm
 e) Lifting Height 3300mm
 f) Overhaul Height 2200mm

10) 1 No. Prime Mover
 a) V-8 Diesel engine in the range of 14,000 to 16,000 cc

11) 1 No. Mercedes Benz 9 Horse Box
 a) Six cylinder diesel engine.

12) 2 Nos. Agriculture Tractor
 a) Fitted with counter weight
 b) Fitted with turf tyres.

13) 1 No. Suzuki Jeep
 a) Soft top with steel doors
 b) 4 wheel drive.

14) 12 Nos Grass Cutters
 a) 4 Stroke 3.5 HP petrol engine
 b) Cutting width 18"
 c) Cutting Height ⅜" to 2¼"
 d) Adjustment: Single lever adjusts cutting height through 10 intermediate positions.

15) 12 Nos. Grass Cutters
 a) Cutting width 18"
 b) Rust proof catcher
 c) Minimum 3.5 HP
 d) 4 stroke petrol engine.

16) 24 Nos. Knapsack type Grass Cutter
 a) Petrol driven engine
 b) Engine displacement 37 cc.

17) 1 Nos. Rolla Mower
 a) 3 Disc blade 1800mm cutting width 75HP.

18) 1 No. Bush Cutter.

19) 2 Nos. Wu's Power Cart
 a) W16 GD 4 wheel drive.

20) 1 No. Mini Moke.

21) 1 No. Wu's Power Cart
 a) W16 4 wheel drive
 b) Complete with spraying tank
 c) Must be factory fitted.

22) 2 Nos Scott Bonner 5 Gang Mower.

All vehicles are to be painted in Jerudong Park colours with the words "JERUDONG PARK" (not less than 6") on both sides and on the rear of the vehicle if appropriate.

Tenders should be in a plain envelope marked "Tender Transport Jerudong Park" and delivery to the Secretary, State Tenders Board not later than Wednesday 26th May 1983.

The government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT

### TENDER NOTICE — PROJECT No. 2078

1. TENDERS are invited from registered Telecom Contractors with A or B classification.
2. The said tenders are for EXCAVATION, LAYING 6 WAY CONCRETE ENCASED DUCT, CONSTRUCTION OF STANDARD MANHOLES AND FOOTWAY JOINT BOXES.
3. Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, not later than on Monday 16th May 1983. Tenders received after the said time will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER PROJECT No. 2078.

bearing no indication of the name of the tenderer.
5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $1,000 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 12th May 1983 at the junction of Jalan Muara Coastal Road Intersection, Mile 15½. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

### TENDER NOTICE PROJECT 2079/1

1. TENDERS are invited from registered Telecom Contractors with A classification.
2. The said tenders are for DEMOLISH AND REBUILD MANHOLE, CONSTRUCT CABINET BASE AND FJB. EXCAVATE IN GRASS VERGE AND SEALED ROADWAY AND LAID LARGE SIZE CABLE INTO DUCTS.
3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 9th May 1983. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMS DEPARTMENT
TENDER PROJECT 2079/1

bearing no indication of the name of the tenderer.
5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forefeited from any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 5th May 1983 at the entrance of Bee Seng Garden, Jalan Berakas. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

### TENDER NOTICE PROJECT 2089

1. TENDERS are invited from registered Telecom Contractors with A or B classification.
2. The said tenders are for Construction of Standard Manholes, and Excavating and Laying Concrete Encased Duct at Jalan Berakas.
3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 9th May 1983. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMS DEPARTMENT
TENDER PROJECT 2089.
JALAN BERAKAS COAST ROAD INTERSECTION

bearing no indication of the name of the tenderer.
5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forefeited from any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet the with Director's Representative at 1400 hours on Thursday 5th May 1983 at Jalan Berakas Coastal Road Intersection. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

### SUCCESSFUL TENDERS

1 Tender for air conditioning Civic Centre, Tutong—Marsee & Co — $161,098.00.
2 Tender for Electrical installation for science lab, SMMH Tutong — Zaimah Contractor — $17,676.00.
3 Tender for electrical installation, 11KV substation, Jalan Hj Besar — Tay Elec Co — $53,095.00.
4 Tender for dismantling tubular steel poles etc, BIA — Sh Bersatu Maju — $55,058.00 — 75 days.
5 Tender for erection of 35' tubular steel poles etc, Kg Bebuloh & Batang Mitus — Sin Matu Enterprise Co — $95,343.00 — 55 days.

## SEBAGAI PENTERJEMAH K

PERMOHONAN-permohonan adalah dip… calon yang berkelayakan untuk dilantik … JEMAH KANAN (Inggeris/Melayu) di … Undang, Brunei.

C. 2 EB. 3 — B$1260-$1980 sebulan … bergantung kepada kelayakan-kelayakan …

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon mestilah lulus peperiksaan … Brunei Cambridge (Peringkat Biasa), atau … dengannya, dan mendapat sekurang-kurang… mata-mata pelajaran Bahasa Melayu dan … yang mempunyai pengalaman dalam mem… jemahan undang-undang adalah diutamakan…

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Menterjemah Undang-Undang, Pe… Surat-Surat Kontrek dan surat menyurat …

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik … selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak … setujuan bersama. Mereka yang terdiri … akan dilantik ke jawatan tetap setelah me… percubaan. Selain daripada gaji, bonus … faedah termasuklah baksis pada kadar 25 … percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak … tuan perumahan, pinjaman wang (tidak ber… beli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendap… Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dib… nan borang yang boleh didapati daripada J… Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama… nan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada … jawatan, Jawatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 12hb Mei, 1983.

(E/1469/81) (Bilangan: 80/1983)

**Royal Brunei**
FLY WITH FRIENDS

PEMOHON-pemohon adalah dipelawa dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi mengisikan kerja-kerja kosong seperti berikut:—

JURULETRIK

Mempunyai pengetahuan asas dalam bahagian letrik dan kerja-kerja membaiki alat penyejuk. Mepunyai lesen memadu kelas tiga dan boleh bercakap dan menulis dalam Bahasa Melyu dan Inggeris.

Gaji dalam lingkungan $485-$750 sebulan.

PENOLONG PERBENDAAN

Pemohon mestilah mempunyai pengalaman yang banyak dalam kerja-kerja kerani sebaik-baiknya dalam bidang pemeliharaan. Mempunyai lesen memandu kelas tiga dan boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji … $625-$960 …

Di … kemudahan … ti tambang … percuma, … hunan … dahan … diberikan.

Pemohon … buat secara … menyatakan … rangan … kembarkan … jil kelayakan … mestilah … da:—

Pen… Ka… Bah… Pen… Bru… Pen… Ban… Bru…

Perm… hendaklah … wat dari …

## TELECOMMUNICATIONS DEPA…
## TENDER NOTICE

FOOTWAY JOINT BOX COVERS … GALVANISED

1. TENDERS are invited from suppliers … perience in metal fabrication and hot dip …
2. The said tenders are for supply of … Light Weight Footway Joint Box covers … drawing No. MISC 8040.
3. Tenders will be received by the Chairman … office of the State Financial Officer, Bandar … later than 12.00 noon on Monday 23rd M… received after the said time and date will …
4. Tender should be submitted in a pla… marked:—

TELECOMS DEPARTMENT,
SUPPLY OF FOOTWAY JOINT …
AND FRAMES No. 0
REF: MS 3/3/011.

bearing no indication of the name of the …
5. Detailed tender documents can be … office of the Director of Telecommunica… Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei … $500.00 which will be refunded to all … provided the condition of section 7 of th… with. The tender deposit will be also … tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not … the lowest or any tender.
7. Tender conditions require that a sa… offered be delivered to Telecom Store on … date for tenders. Any tenders submitted … be incomplete and shall be regarded as … forefited.
8. Tender conditions also require del… Store, Bandar Seri Begawan within two … indent and provide liquidated damages of … for late deilvery.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS:

(Jabatan Perubatan dan Kesihatan).

Gaji: C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

(a) Pemohon mestilah berumur tidak lebih daripada 45 tahun, lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya.

(b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai Penyelenggara Stor Kanan dalam bahagian-bahagian yang tertentu.

(c) Kebolehan menaip dan mempunyai pengetahuan Ilmu Menyimpan kira-kira adalah merupakan satu kelebihan.

2. PENOLONG PEGAWAI YANG MENGUASAI LALULINTAS UDARA : (Jabatan Penerbangan Awam).

Gaji: C. 3 EB. 4 — $720-$1175 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon mestilah (a) mempunyai Sijil Am Pelajaran (Peringkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelayakan yang sebanding dengannya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fizik, (b) fasih bercakap dan menulis dalam Bahasa Inggeris, (c) berumur antara 18 hingga 25 tahun dan, (d) mempunyai darjah kesihatan yang memenuhi syarat-syarat ICAO bagi Pegawai-Pegawai Kawalan Trafik Udara. Sebaik-baiknya mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal-hal penerbangan. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil Am Pelajaran (Peringkat Lanjutan).

**Peluang Kenaikan Pangkat :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik mula-mula dalam percubaan selama 3 tahun dan dikehendaki lulus peperiksaan jabatan sebelum ditetapkan dalam jawatan mereka dalam perjawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kepada mereka untuk dinaikkan pangkat ke peringkat Pegawai Pengawal Lalulintas Udara yang akan meliputi latihan seberang laut dan latihan penerbangan sebagai juruterbang hingga ke peringkat Private Pilot Licence.

3. PENGAWAS TINGKAT I (BANGUNAN):

(Jabatan Penerbangan Awam).

Gaji: D. 4 EB. 5 — $890-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

(a) Pemohon-pemohon mestilah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

(b) Mereka yang mempunyai pengalaman selama tidak kurang dari 5 tahun dari segi pengawalan buruh atau pekerja-pekerja, terutamanya yang sedang berkhidmat sebagai Pengawas Tingkat II akan dipertimbangkan.

(c) Calon-calon mempunyai pengalaman disegi kerja-kerja pemeliharaan bangunan adalah satu kelebihan.

Am:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas apabila dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift).

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 14hb Mei, 1983.

(E/629/81) (Bil: 86/1983)

## TAWARAN JABATAN SETOR2 DAN PERBEKALAN2 NEGARA

### No. 35/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF PROTO TOOLS AND ACCESSORIES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 36/1983

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF ARMCO GALVANISED FLEX-BEAM GUARDRAIL TYPE 2 12 GAUGE IN STANDARD SECTIONS WITH A NETT LAYING LENGTH OF 12' 6" AND ACCESSORIES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## Royal Brunei Police Force—Tender Notice

### No. 45/1983

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 23rd May 1983.

SUPPLY OF LAND ROVER SPARE PARTS.

2. Tender documents can be obtained from Staff Officer 'C' Police Headquarters, Gadong.
3. Tenders must be placed in plain sealed envelope and must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked: — "ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER No. 45/1983 SUPPLY OF LAND ROVER SPARE PARTS".
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

BRUNEI

## MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh Syarikat untuk:

1. **BILANGAN TAWARAN 001336/SES KATEGORI FB1 KELAS C**

Pembaikan besar ke gudang SSU No. 2.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.

## B.S.P. TENDER NO. SSU 5 83

SALE of surplus materials from G1-G7 Housing Project consisting of: —

General building materials; nails and staples; lighting and accessories; vehicles; power tools; Generators and compressor and others.

Details of description and quantity of materials can be obtained from:

Supplies Department/Disposal Section,
B.S.P. Co. Ltd.,
Seria,
STATE OF BRUNEI.
(SSU/15, Tel. No.: 403/536 NIA)

NOTE:

1. Items can be viewed at G4 Warehouse, Jalan Tengah, Seria, State of Brunei.
2. The closing date for receipt of Tenders shall be 0900 hours on 6th June 1983. Tender should be addressed in plain sealed envelopes to: —
   The Chairman,
   Tender Board,
   Brunei Shell Petroleum Company Limited,
   Seria,
   STATE OF BRUNEI.
   "Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU 5/83"
3. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderer of all the terms of tendering. All other terms of tendering are as usual, and can be obtained on request at the SSU/15 office.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following fertilizers to the Department of Agriculture, Brunei: —

1. Urea (60% N) — 200 tons and upwards.
2. Muriate of Potash (Minimum 58% K2O) — 100 tons and upwards.
3. Rock Phosphate (Minimum 36% P2O5) — 60 tons and upwards.
4. Kieserite (Minimum 27% MgO) — 30 tons and upwards.
5. Triple Superphosphate (Minimum 36% P2O5) — 55 tons and upwards.
6. Molybdenised Supers — 13 tons and upwards.
7. Agricultural Grade Limestone (Analysis and fineness to be stated) — 200 tons and upwards.
8. Dolomite — 90 tons and upwards.

Suppliers should submit quotations giving the following informations: —

(a) Price c.i.f. Muara Port.
(b) Price c.i.f. Agricultural Stores, Kilanas Stations.
(c) Size/capacity of bags.
(d) Type of bags to be used with details of quality grade.
(e) Date of delivery.
(f) Source of materials to be supplied.

Tenders should be accompanied by a certificate of analysis by a registered analytical chemist recognised in Malaysia, Singapore or equivalent.

Suppliers must undertake to supply not less than 2% empty bags and to replace or rebag any broken containers at their own charge. Suppliers will be responsible for protection of fertilizers from adverse weather at port of unloading and transhipment to Department stores.

Tenders should be submitted to the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 23rd May, 1983. Tenders should be marked "Agricultural Department Fertilizer — Confidential".

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT — TENDER NOTICES

### TENDER No. 33/1983

RUNNING CONTRACT FOR THE SUPPLY OF MARINE PAINT — CHUGOKU FOR TWO YEARS.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Brochures/Catalogues to Procurement Office, Logistics Depot, Berakas Garrison by 19th May 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 16th May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
6. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderer.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 34/1983

SUPPLY OF SPARE PARTS FOR HOLDEN CARS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated June, 1983 are to apply.
3. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot, Berakas Garrison by 27th. May, 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 23rd May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 35/1983

SUPPLY OF MILITARY FOOT WEAR TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb. 1983 are to apply
2. Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Camp by 27th May 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 23rd May, 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 36/1983

SUPPLY OF VARIOUS EMU SPARES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
3. Tenders documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
4. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 37/1983

SUPPLY OF DENTAL REQUIREMENTS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 38/1983

SUPPLY OF GENERAL STORES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 39/1983

SUPPLY OF SHIP SPARES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.
2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menyampaikan Oskar kepada juara Mutika '83 Dayang Saaimah bte Haji Abdi Manaf.

# SAAIMAH JUARA MUTIKA 1983

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam, Dayang Saaimah bte Haji Abdi Manaf telah berjaya menyandang juara MUTIKA 1983.

Dayang Saaimah seorang pendatang baru dalam bidang seni suara telah berjaya mengalahkan sembilan orang peserta yang bertanding dalam Pertandingan Akhir yang telah diadakan di Dewan Raya RTB malam Isnin lalu. Pertandingan tersebut telah disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen.

Lagu-lagu yang didendangkan dalam pertandingan tersebut dan membawa kejayaannya ialah 'If This Is Love' dan 'Alam Maya'.

Di samping sebuah Oskar, juara Mutika itu juga telah menerima hadiah wang tunai sebanyak $2,000.00 dan sebuah lagi piala iringan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang dan peserta-peserta pertandingan pada malam itu.

# SUMBANGKAN TENAGA KE ARA PERSEFAHAMAN DAN PERPADU

Oleh : Muhaimin H.M.

GADONG. — Y.A.B. Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz berkata bahawa beliau sentiasa menaruh harapan kepada Kelab Rotary Bandar Seri Begawan dengan melalui ahli-ahlinya yang terdiri daripada berbagai puak keturunan, profesion yang terdapat di negeri ini, akan berkeupayaan membuat sumbangan yang berterusan ke arah menubuhkan persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk negeri ini.

Kerana usaha sedemikian katanya, adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang menginginkan wujudnya masyarakat Brunei yang kukuh dan bersatu-padu.

"Dalam saat-saat negara Brunei Darussalam semakin dekat dengan zaman kemerdekaannya penuh lagi tulen, perpaduan itu semakin mendapat keutamaan, kerana Kerajaan sedar sumber tenaga manusia yang bersatu-padu adalah sebaik-baik asset pada mengekalkan dan meneruskan keadaan keamanan dan ketenteraman sematamata pada menjamin bahawa pembangunan dan kemajuan Negeri Brunei akan berjalan lancar demi faedah kesejahteraan kita semua dan juga generasi yang akan datang," ujarnya.

Y.A.B. Pemangku Menteri Besar Brunei berucap ketika merasmikan Malam Amal Persefahaman Se Dunia anjuran Kelab Rotary Bandar Seri Begawan di bawah ihsan dan pimpinan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, bertempat di Auditorium Pusat Tingkatan Enam, Gadong, berkata bahawa selaras dengan hasrat serupa itu, meskipun Kelab Rotary BSB mempunyai perkaitan yang rapat dengan lain-lain kelab di seluruh dunia akan tetapi kelab tersebut haruslah sentiasa mengambil ingatan bahawa ia tumbuh dan bertapak di bumi Brunei Darussalam.

Katanya, dalam mempertahankan prestasinya sebagai kelab yang bertaraf antarabangsa, Kelab Rotary barang setentunya akan lebih mendapat penghargaan masyarakat jika ia memberikan penumpuan dan keutamaan yang berterusan pada memberikan sumbangan yang berkebajikan kepada rakyat dan penduduk di negeri ini, kerana dalam apa jua keadaan pun, sumber tenaga manusia yang berkemahiran yang agak terbatas di negeri ini mestilah disalurkan pada keutamaan yang benar-benar memerlukannya iaitu bagi memikul kewajipan dan tanggungjawab di bidang pembangunan dan perkembangan negara ini.

Keutamaan seperti ini tambahnya, bukanlah suatu perkara yang bercanggah dengan amalan lain-lain negara di dunia ini, di mana kita sendiri melihat bahawa masing-masing bangsa menginginkan kesempurnaan dalam negaranya terlebih dahulu.

Menyentuh dengan persembahan Malam Amal Persefahaman Se Dunia pada malam itu Y.A.B. berkata, di samping menunjukkan persembahan kebudayaan dari berbagai bangsa, kita haruslah menumpukan perhatian pada saat-saat Brunei sedang membangun ini, terhadap identiti keBruneian, adat-resam dan corak hidup orang Brunei hendaklah difahami dan diamalkan sebagai teras persefahaman dan perpaduan di negara ini.

"Dengan semangat identiti ke Bruneian adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat dan penduduk negeri ini untuk mengekalkan persefahaman bahawa pertumbuhan kebudayaan dan kesenian negeri ini adalah untuk mengekalkan keharmonian hidup yang sedia ada.

Dalam menghargai adat resam dan kesenian masing-masing apatah lagi kebudayaan dari luar negeri, kita hendaklah sentiasa mengambil ingatan bahawa Brunei telah sedia ada dengan ciri-ciri yang membentuk kehidupan orang-orang Brunei, antaranya berpegang kepada keyakinan bertuhan, kesetiaan kepada raja, adat bersendikan Syara' dan berpegang kepada landasan pemikiran orang-orang Melayu yang patut dan rasional," jelasnya.

Beliau menambah bahawa melalui penekanan seperti itu tidaklah patut kita teragak-agak dalam mengurangi bahkan meninggalkan apajua corak pengaruh yang bertentangan dan dasar-dasar yang membentuk kehidupan orang-orang Brunei. Di samping itu kita haruslah pula memelihara apa jua unsur yang akan menjadi teras perpaduan di negeri ini yang bersesuaian dengan identiti keBruneian.

## TITAH PERUTUSAN KEBAWAH ... MAHA MULIA PADUKA SERI ... SULTAN DAN YANG DIPERTUAN ... HASSANAL BOLKIAH MU'IZZA... DAULAH DI MALAM AMAL PERSE... SEDUNIA, PADA 1HB. MEI, 198... PAT DI DEWAN P.T.E. GADONG

Beta ingin mengucapkan syabas kepa... Bandar Seri Begawan yang akan mengada... Persefahaman Sedunia (World Understanding ... khususnya adalah untuk mengutip derma yang ... besarnya akan disumbangkan kepada Tabung ... Usaha yang berkebajikan oleh Kelab Rotary Bandar ... patutlah disanjung dan dicontohi oleh lain-lain ... Negeri ini kerana amatlah perlu bagi kita untuk ... dan mempunyai perasaan kasihan terhadap mereka ... nasib baik.

Oleh yang demikian, Beta berharap lebih banyak ... yang seperti ini akan diadakan di masa-masa ... bukan sahaja oleh Kelab Rotary Bandar Seri Begawan ... oleh lain-lain kelab dan badan-badan kebajikan ... amalan menolong orang yang kurang bernasib baik ... ada di hati setiap insan.

Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz berkata bahawa dalam menilai perpaduan, kita dengan sendirinya di Brunei menolak apa jua pengaruh yang sia-sia yang difikirkan akan menimbulkan pergeseran masyarakat, oleh itu dasar-dasar kehidupan keBruneian haruslah dihormati dan dipatuhi oleh setiap rakyat dan penduduk negeri ini sebagai sebaik-baik asas pada mengelakkan rasa curiga antara satu sama lain lagi membuktikan setiap puak dan kerukunan terhadap sultan dan negara.

Oleh itu, katanya, tanggungjawab ... bukanlah ... corak ... yang ... kita ... pengaruh ... yang aka... mati itu ... merombak ... harmoni ... terlalu ... unsur ... berteraskan ...

Tambah... akan tim... mengasih... mensebati... rakyat ya... satu ... iaitu Brun...

# Syarat pindah milik tanah dipinda

Oleh Mohammad Salim

BANDA SERI BEGAWAN. — Syarat pindah milik tanah yang terkandung dalam Bab 23 — Undang-Undang Tanah Negeri Brunei Penggal 40, telah dipinda dan mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1983.

Syarat baru itu yang digelar Undang-Undang Tanah (Pindaan) 1982 telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri dan disiarkan dalam Warta Kerajaan Bilangan 10, Bahagian I bertarikh 19hb. Februari, 1983.

Menurut pindaan, sebarang pindah milik, cagaran, pajakan atau pajakan kecil tanah kepada sesiapa juga dianggap tidak sah untuk didaftarkan kecuali dengan perkenan terlebih dahulu secara bertulis dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mesyuarat.

Menjelaskan lebih lanjut ke atas pindaan tersebut, Pegawai Tanah Kanan, Awang Othman bin Awang Damit berkata, pindaan itu menghendaki sesiapa jua yang berhajat memindah milik, kedua pihak perlu menghadapkan suatu permohonan melalui borang khas yang boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Tanah.

Katanya, borang tersebut hendaklah diisi selengkapnya oleh orang yang akan memindah milik dan orang yang akan menerima milik sama ada secara jual beli atau pertukaran dari orang tua kepada anak dan sebagainya.

Ditanya, berapa lama pindah milik itu boleh diselesaikan, Awang Othman menjelaskan, perkara ini hanya akan dapat ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri sama ada dibenarkan pindah milik atau sebaliknya dan tempohnya tidaklah dapat ditentukan selama mana ia boleh diselesaikan.

Berhubung dengan taksiran harga tanah yang dipindah milik, Pegawai Tanah Kanan itu menjelaskan lagi, perkara demikian tidaklah dipersyaratkan supaya mereka yang terlibat mengikut taksiran harga pihak Kerajaan, malah terpulang ke atas persetujuan jual beli pihak-pihak yang terlibat.

"Kecuali jika harga jual beli itu terlalu rendah dari taksiran Kerajaan, maka Pejabat Tanah terpaksa mengikut taksiran yang ditetapkan setelah dibuat penilaian bagi menselaraskan cukai setem dan sebagainya," kata Awang Othman.

# AMDB juara per...

Dari muka 1

Mariam juga telah dijunjung bagi menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang di perlawanan itu. Terdahulu dari itu YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna juga dijunjung untuk menyampaikan sijil-sijil kepada pasukan-pasukan yang bertanding dan sijil-sijil penghargaan kepada para petugas yang sama-sama menjayakan perlawanan yang julung-julung kali diadakan itu.

Juga hadir bagi menyaksikan upacara olahraga hari itu ialah Pesuruhjaya Polis, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Hj Jaya dan Datin, Pegawai Pemerintah AMDB, Brigedier Friedberger, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pg. Omar, Timb. Pemerintah AMDB, YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Awg. Hj Mohammad, Memerintah Pasukan Askar Wanita, Mejar RD Patrick dan Yang Dimuliakan Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah.

Kejohanan kali pertama antara dua buah pasukan itu dilangsungkan selama tiga hari.

Kejohanan tersebut telah dirasmikan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar pada hari Jumaat lepas di Perkhemahan Bolkiah.

Yang Amat Mulia dalam ucapan perasmiannya menjelaskan ... Melayu ... Brunei ... bersama-sa... juga akan ... semua ... mainan ... mengukuh... antara ...

"Askar M... dan Polis ... gungjaw... keamanan ... Negeri Br... kita saya... berlaku ... dilakukan ... ini aka... rapat ... matlam... Amat M...

Acara ... johanan ... menemba... sebaik-ba... mian ...

Yang Te... Isteri H... Komand... Y.T.M. ... Anak P... Polis ... menyak... tersebut.

Berang... Paduka ... Puteri ... Y.T.M. ... Anak P... Al-Islam.

Di hari ... di pe... berhal... tangka...

Y.T.M. ... Mariam ... Pengiran ... telah ... bahagia... tangka...